

Jilid 1
Bil. 71



Hari Selasa
20hb Oktober, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11893]

RANGUNDANG-UNDANG DIBAWA KEDALAM MESYUARAT [Ruangan 11943]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara [Ruangan 11944]

Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) [Ruangan 12009]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

Penggal Yang Pertama

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., p.i.s. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN At-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAPIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, Tuan Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N., (Hulu Langat).

Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pillai).

„ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman (Mentakab).
- Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tauran).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.N., P.P.T. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB IN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).

DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- TUAN HAJI BUJANG BIN HAI ULIS (Simunjan).
- DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- TUAN CHEW KAM HOY, A.M.N., J.P. (Padang Serai).
- TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam)
- TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- DR V. DAVID (Puchung).
- TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- TUAN GOO HOCK SENG (Bukit Bendera).
- TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- TUAN HSIANG YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T, A.M.N. (Kemaman).
- TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- TUAN JIMBUN ANAK PUNGCA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

„ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

„ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

„ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

„ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).

„ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).

TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

„ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

„ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).

DATO' HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.K. (Balik Pulau).

TUAN MOHAMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).

DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ TUAN MOHD. NOH BIN RAJIB (Tampin).

„ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

„ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).

TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Murudu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

TUAN P. PATTO (Ipoh).

TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru),

DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Y. B. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

DATUK HAJI YAHYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

PUAN Sm ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau.)

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N, B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kua)a Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 20hb Oktober, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERISTIWA MUASSASAH DI
POKOK SENA

1. **Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan sekarang dengan peristiwa "MUASSASAH" di Pokok Sena, Kedah dan apakah ancaman yang mungkin timbul dari segi keselamatan dan jelaskan persiapan-persiapan serta tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil untuk mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah Muassasah di Pokok Sena, Kedah adalah masalah pentadbiran negeri. Pihak Kerajaan Pusat sentiasa mengikuti perkembangan dalam perkara ini. Adalah diharapkan bahawa pihak-pihak yang berkenaan akan mematuhi undang-undang dan tidak mengambil apa-apa tindakan yang boleh menimbulkan ancaman kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah hasil rundingan dt antara Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan pemimpin-pemimpin PAS untuk meredakan ketegangan yang ada?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini, berikutan daripada kesediaan PAS Kedah dan pihak Kerajaan Negeri mengadakan rundingan terhadap perkara ini untuk mencari jalan penyelesaian, maka kita dapati keadaan adalah iebih reda sedikit.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kegiatan Muassasah ini juga cuba dibuat ataupun diterap di negeri-negeri lain. Contohnya di Besut, Terengganu, mereka seolah-olah cuba menubuhkan Kerajaan dalam Kerajaan dan ini adalah sangat merbahaya. Adakah pihak Kementerian menjalankan tindakan-tindakan dan menyelaraskan tindakan-tindakan itu dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi memastikan hal-hal yang seumpama ini tidak akan berlaku lagi, terutamanya dalam jangka panjang?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, di sini masalah Muassasah tidak timbul. Masalah yang timbul ialah apabila ia bercanggah dengan undang-undang negara sepertimana yang berlaku di Pokok Sena itu.

**RANCANGAN MALAYSIA
KELIMA—PERUNTUKAN
KEPADA NEGERI-NEGERI**

2. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulisminta
Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan dari Kementerian beliau yang telah diberi kepada tiap-tiap negeri di Malaysia (termasuk Sabah dan Sarawak) dalam Rancangan Malaysia Kelima; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang hendak menggunakan kriteria keluasan sesebuah negeri itu dalam memberi peruntukan pembinaan jatan di masa akan datang kerana ini akan dapat memesatkan lagi pembangunan infrastruktur di Sabah dan Sarawak.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Kelima Kementerian Keraraya yang telah diberi setakat ini bagi tiap-tiap negeri yang terdiri daripada projek-projek jalan raya, bekalan air, pembangunan, jentera, perumahan dan lain-kiin adalah seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah jawapan itu?

Dato' S. Samy Yellu: Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit. Baiklah.

Dato' S. Samy Vellu: Butir-butirnya adalah:

| <i>Negeri</i> | <i>Jumlah</i> (\$ Juta) |
|---------------|----------------------------|
| Melaka | 5.71 |
| Johor .. | 156.43 |
| Selangor | 114.47 |
| Perak .. | 103.93 |

| <i>Negeri</i> | <i>Jumlah</i> (\$ Juta) |
|------------------------|----------------------------|
| Kedah | 130.28 |
| Pulau Pinang | 56.01 |
| Pahang | 69.95 |
| Terengganu.. .. . | 28.90 |
| Kelantan | 141.42 |
| Perlis | 5.83 |
| Negeri Sembilan | 58.53 |
| Sarawak | 272.68 |
| Sabah | 202.55 |
| Wilayah Persekutuan .. | 93.07 |
| JUMLAH .. | \$1,439.76 |

Jawapan untuk soalan (b), keluasan sesebuah negeri itu tidaklah menjadi kriteria dalam pengagihan peruntukan bagi rancangan pembangunan. Peruntukan yang disediakan adalah berdasarkan kepada rancangan-rancangan yang sedang diatur dengan keutamaan projek diberikan kepada negeri-negeri yang masih ketinggalan dari segi pembangunan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun ini telah lama wujud, tetapi saya terpaksa perlu untuk mempersoalkan sekali lagi. Apakah keutamaan priority yang telah diberi Kepada Trunk Road System dan Pan-Borneo Highway kerana dalam negeri-negeri Semenanjung Malaysia di sini East-West Highway pun ada, North-South Highway pun ada, "up and down", "left and right" highway pun ada. Tetapi di Sarawak satu highway pun tidak ada. Oleh demikian pembangunan sosio-ekonomi bagi kawasan-kawasan pedalaman terjejas kerana itu bagi tempoh 24 tahun sejak kita merdeka ini. Berapa banyakkah keutamaan telah diberikan kepada ini? Bilakah dapat impian

anak-anak Sarawak supaya ada satu Trunk Road System dari Lundu ke Kuching, ke Miri, ke Limbang dan ke Tawau.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita telah memberi peruntukan seperti saya katakan tadi sebanyak \$272.6 juta kepada negeri Sarawak. Banyak di antara projek-projek kita menyediakan kepada JKR dan kita sudah menyelesaikan rekabentuk-rekabentuk pada masa sekarang. Saya percaya dalam tempoh masa dua bulan akan datang kita akan memanggil tawaran kepada projek-projek ini dan saya percaya dalam tempoh 6 bulan kita akan memulakan kerja-kerja mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Di dalam jadual ini termasuklah kerja-kerja mengenai satu hubungan yang terbesar iaitu Pan—Borneo Highway termasuk dalam projek itu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dinyatakan bahawa peruntukan Kementerian kepada negeri Terengganu hanya sekadar \$29 juta sahaja. Saya mahu tahu kenapa peruntukan itu terlalu kecil jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain, sedangkan Terengganu merupakan sebuah negeri yang luas dan jauh ketinggalan dari segi pembangunannya.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, negeri Terengganu jauh dalam pembangunan, itu ialah sejarah lama. Sejarah baru ini negeri Terengganu telah menerima beberapa juta ringgit melalui beberapa kerja-kerja. Sebab itulah kita tidak mahu memberi lebih peruntukan kepada negeri Terengganu, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa dahulu dalam tahun dahulu kita sudah membelanjakan beberapa juta ringgit

untuk memperbaiki jalan dan negeri-negeri yang lain mengikutlah aturan-aturan yang kita sedia ada, dapat sedikit lebih daripada negeri Terengganu.

PERNAS—IMPORT DARI CHINA

3. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) sama ada beliau akan memansuhkan komisyen setengah peratus ke atas semua import-import dari Republik Rakyat China yang mana ianya hendaklah dibayar kepada PERNAS; dan
- (ii) sama ada beliau sedar bahawa komisyen ini adalah satu penafian layanan yang sama kepada semua pengimport-pengimport barangan-barangan tersebut dan juga bertentangan dengan pertunjukkan bagi layanan yang sama kepada semua warganegara-warganegara Malaysia di bawah Perlembagaan Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, komisyen 1/2% yang dibayar kepada PERNAS ke atas semua import dari Republik Rakyat China adalah merupakan bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh agensi tersebut bagi menelaraskan pengeluaran permit import ke atas barang-barang dari negara tersebut. Selain dari tujuan itu, hasrat dari kutipan bayaran komisyen yang sama kepada PETRONAS digunakan juga untuk membiayai aktiviti-aktiviti galakan perdagangan secara terus dengan Republik China seperti lawatan, rombongan Malaysia ke pameran-pameran perdagangan yang diadakan di Republik Rakyat China.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di sepanjang bulan Januari hingga bulan Oktober, 1987 tahun ini, PERNAS telah menguruskan lawatan yang melibatkan 1,225 orang pengimport-pengimport Malaysia ke tiga pameran perdagangan di Republik Rakyat China. Berdasarkan penjelasan ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan bayaran komisyen yang disebutkan itu.

Jawapan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, semua pengimport yang ingin mengimport dari Republik Rakyat China perlu membayar 12% komisyen kepada PERNAS. Ini bermakna semua penimport yang ingin mengimport dari Republik Rakyat China perlu memenuhi syarat tersebut. Dalam hal ini semua warganegara Malaysia adalah diberi layanan yang sama apabila mengimport dari RRC (Republik Rakyat China). Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, sama ada perkara ini bertentangan dengan peruntukan layanan yang sama kepada semua warganegara Malaysia di bawah Perlembagaan Malaysia tidak timbui sama sekali.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa Kerajaan tidak memikirkan perlu untuk memansuhkan komisyen yang dikenakan ke atas import daripada RRC. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi tahu mengapakah komisyen ini dikenakan hanya untuk import-import daripada Republik Rakyat China dan tidak ada sebarang komisyen yang dikenakan ke atas import-import barangan daripada lain-lain negara selain daripada Republik Rakyat China. Apakah sebabnya dan tindakan boleh komisyen 0.5% ini dimansuhkan supaya ia selaras dengan apa yang

dilakukan sekarang ke atas import import daripada lain-lain negara selain daripada Republik Rakyat China.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum menandatangani satu perjanjian perdagangan dengan China. . . . (*Disampuk*) walaupun sebelum. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya apa fasal daripada RRC sahaja kena diadakan komisyen 0.5%, negeri-negeri lain tidak? Itu soalan yang pertama.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, kita belum mengadakan satu perjanjian. Ini charge perkhidmatan sahaja, bukan komisyen. . . .

Tuan P. Patto: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak faham, walaupun Tuan Speaker sendiri sudah pun memberi tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh sudah faham, hanya minta jawapan sahaja. Pasal apa daripada negeri China diadakan komisyen 0.5% ini, negeri-negeri lain tidak. Itu hendak tahu apa sebabnya.

Tuan M. G. Pandithan: Itu satu perjanjian di antara Kerajaan dan lain-lain syarikat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

BANDUAN REMAND

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan banduan remand di seluruh negara sehingga 30-9-1987 dengan memberikan butir-butir bilangan banduan remand berkaitan dengan beberapa lama tempoh mereka di dalam remand; dan

(b) adakah beliau sedar bahawa banduan remand yang ditahan begitu lama terpaksa menunggu sebelum mereka dibicarakan merupakan satu titik hitam ke atas sistem kehakiman di Malaysia dan jika sedar, apakah rancangan Kementeriannya sedang ambil untuk mengatasi masalah ini khasnya dan untuk mengatasi kesesakan dalam penjara-penjara pada amnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bilangan banduan remand pada masa ini ialah seramai 5.622 orang dan tempoh tahanan mereka adalah seperti berikut:

| <i>Tempoh</i> | <i>Bilangan</i> |
|------------------------|-----------------|
| Kurang dari 1 tahun | 4,300 orang |
| 1 tahun hingga 2 tahun | 598 .. |
| 2 tahun hingga 3 tahun | 367 .. |
| 3 tahun hingga 6 tahun | 355 .. |
| 7 tahun | |
| 8 tahun | — 1 |
| 9 tahun | |

Kerajaan memang menyedari adanya banduan remand yang ditahan dalam penjara agak lama. Kelewatan perbicaraan kes-kes mereka melibatkan Jabatan Polis, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman dan juga atas permintaan dari peguam-peguam mereka sendiri supaya kes-kes mereka ditangguhkan.

Mengenai kesesakan penjara, Jabatan Penjara telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengagihkan banduan-banduan di penjara yang sesak kepada penjara-penjara yang kurang sesak sebagai langkah jangka pendek. Di samping itu dalam jangka panjang Kerajaan sedang menyiapkan penjara-penjara

baru di Siipang Rengam, Johor, Penor di Pahang dan Jelebu di negeri Sembilan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kalau seorang banduan remand ditahan sehingga 9 tahun, ini ialah satu tempoh yang begitu panjang dan adalah tidak adil untuk pihak yang berkenaan. Saya suka bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk menetapkan satu peraturan di mana sekiranya seorang remand ditahan selama dua tahun dan apabila kesnya tidak dibicarakan maka beliau akan dibebaskan.

Yang kedua, adakah benar bahawa Kerajaan bercadang untuk menswastakan penjara untuk banduan remand dan sekiranya ini benar, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ini adalah satu perkara yang tidak viable dan hendaklah digugurkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang sedar akan kesusahan, kepedihan dan kesiksaan yang dihadapi oleh banduan-banduan remand ini, terutama yang terpaksa menunggu begitu lama untuk dibicarakan. Namun demikian oleh kerana masalah-masalah yang saya telah nyatakan tadi yang melibatkan beberapa agensi yang tertentu, maka masalah mi sedang dikaji dan cuba dilaksanakan agar ia dapat memuaskan hati pihak-pihak yang berkenaan.

Kedua, adakah cadangan untuk menentukan bahawa tiap-tiap remand prisoners hanya dipenjarakan secara remand selama 2 tahun, ini akan dikaji dengan teliti.

Perkara yang ketiga, penswastaaan akan penjara remand, beberapa cadangan telah diterima oleh Kementerian dan Kementerian sedang mengkaji adakah ini memberi

keuntungan atau kebaikan kepada Kerajaan dan juga kepada banduan-banduan yang ada.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedarkah dalam laporan Polis 2743/87, saya ada buat satu aduan berkenaan kelambatan keadilan atas orang-orang yang ditahan oleh pihak Polis, sebagai wakil rakyat Petaling Jaya yang ditahan pada hari itu selama 9 jam sebelum dapat satu "charge" atau satu bacaan kesalahan? Mengapa Polis begitu kurang kecekapan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan ini tidak ada bersangkutan paut dengan soalan asal. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hashim bin Safin.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Hashim bin Safin tidak hadir).

KES YANG BELUM DIBICARAKAN DI MAHKAMAH

6. **Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Kehakiman menyatakan bilangan kes yang belum dibicarakan di Mahkamah Majistret, Sesyen, Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Agung di seluruh negara pada 31-8-1987 mengikut jenis iaitu sivil atau jenayah. Daripada bilangan tersebut, nyatakan jumlah kes tahanan semula (remand cases). Apakah sebab-sebab kes remand terlalu tinggi dan adakah pusat-pusat tahanan sanggup memberi tempat penginapan kepada bilangan banduan-banduan yang makin hari makin meningkat. Adakah Kerajaan bercadang supaya menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas untuk mengkaji kes-kes yang ditangguhkan (backlog cases) di semua mahkamah dan juga kesesakan tempat penginapan di semua penjara di seluruh negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):

Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan kes yang belum dibicarakan di seluruh negara bagi Mahkamah-mahkamah Magistret, Sesyen, Tinggi dan Agung pada 31hb Ogos, 1987 ialah 327,333 kesemuanya. Pecahannya adalah seperti berikut:

| | Kes Sivil | Kes Jenayah | Jumlah |
|-------------------------|-----------|-------------|---------------------|
| (i) Mahkamah Agung | 512 | 112 | 624 |
| (ii) Mahkamah Tinggi | 65,406 | 1,002 | 66,408 |
| (iii) Mahkamah Sesyen | 11,549 | 2,646 | 14,195 |
| (iv) Mahkamah Magistret | 80,660 | 165,436 | 246,0% ¹ |

Jumlah kes remand pada 31hb Julai, 1987. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa itu telah pun dijawab.

Dato' Oo Gin Sun: Tadi Timbalan Menteri Dalam Negeri sudah jawab berkenaan dengan perkara itu, Tuan Yang di-Pertua.

Faktor-faktor berikut mungkin telah menyebabkan meningkatnya kes-kes remand:

- (a) Bertambah ramai pesalah telah ditangkap oleh pihak penguatkuasa dan ditahan dalam penjara dengan tidak diberi ikat jamin (bond); dan pihak penguatkuasa selalu mengamalkan tahanan sebelum perbicaraan (pre-trial detention).
- (b) Terdapat juga bertambahnya kes-kes yang telah boleh dijamin (non-bailable offences).
- (c) Kes-kes kerap kali terpaksa ditangguhkan kerana ketiadaan saksi, peguam meminta kes ditangguhkan dan sebagainya.
- (d) Kes-kes lambat diselesaikan kerana kekurangan pegawai-pegawai siasatan, pegawai pendakwa dan juga kekurangan pegawai Mahkamah.

Buat masa ini penjara dapat menampung bilangan banduan remand. Dua buah penjara remand sedang dibina iaitu sebuah di Simpang Renggam, Johor dan sebuah lagi di Kajang. Satu Jawatankuasa khas untuk mengkaji kes-kes tertangguh sudah pun ditubuhkan.

Berhubung dengan kesesakan tempat penginapan di semua penjara di seluruh negara, Kementerian Dalam Negeri telah membentuk satu Jawatankuasa khas bagi mengkaji masalah ini.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, nampaknya ada banyak bilangan kes-kes yang belum dibicarakan dalam Mahkamah-mahkamah Majistret, Sesyen, Tinggi dan juga Mahkamah Agung. Adakah Kerajaan bercadang untuk melantik lebih ramai Hakim-hakim dalam Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen untuk tackle backlog yang besar yang ada sekarang ini.

Dato' Oo Gin Sun: Perlantikan judge di Mahkamah Tinggi setakat ini tidak ada. Mengenai lain-lain perkara berkenaan dengan Majistret dan Hakim di Mahkamah Sesyen, tadi saya ada kata Kementerian Kehakiman menubuhkan satu special task force, dengan izin untuk mengkaji perkara ini.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar keputusan hakim memberi injunction kepada beberapa kes menyebabkan bertambahnya kes-kes di Mahkamah dan apakah cara mengatasinya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa itu tidak bersangkut.

KERETAPI TANAH MELAYU—PENSWASTAAN

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pengangkutan menyatakan peringkat yang dicapai berkait dengan penswastaan Keretapi Tanah Melayu, bilangan cadangan-cadangan yang diterima dan dari siapa dengan memberikan rangka kasar (outline) setiap cadangan tersebut, dan sama ada terdapat juga satu cadangan untuk membina Keretapi Timur-Barat menerusi Penswastaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang sebuah Bank saudagar iaitu Bumiputera Merchant Bank Bhd. telah dilantik untuk membuat penggajian tentang penswastaan Keretapi Tanah Melayu. Bank Bumiputra Merchant Bank Bhd. dijangka mengemukakan laporan awal kajian dalam pertengahan bulan November, 1987. Laporan muktamad pula dijangka dapat dikemukakan pada bulan April, 1988.

Setakat ini walaupun terdapat beberapa pertanyaan dan cadangan daripada pihak-pihak luar yang berminat tetapi pihak-pihak tersebut iaitu Japan National Railways, Canadian Pacific Consultancy Services, Bush, Helen and Hamilton Consultancy, tiada mengemukakan cadangan yang terperinci khusus tentang rangka kadar (outline) penswastaan Keretapi Tanah Melayu. Tidak terdapat juga cadangan-cadangan untuk membina Keretapi Timur-Barat menerusi penswastaan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kalau di Semenanjung kita boleh tengok Keretapi, boleh menumpang dan sebagainya, tetapi di Sarawak tidak ada. Di Sabah ada sedikit. Adakah cadangan juga dimasukkan dalam rangka penswastaan itu kalau tidak

ada Timur-Barat, adakah cadangan untuk di Sarawak supaya orang Sarawak senang sedikit-tidaknyanya tengok keretapi, termasuk juga menggunakannya? (*Ketawa*).

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada dan rasa saya keretapi kalau ditengok sahaja pun tidak ada faedahnyanya. (*Ketawa*)

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dalam Anggaran Belanjawan 1987 Menteri Kewangan telah pun membuat satu tawaran untuk menswastakan pihak Keretapi Tanah Melayu dengan harga \$1.00 sahaja. Dengan harga tersebut yang begitu tertarik saya ingin dapat tahu, adakah pihak Kementerian menerima apa-apa cadangan dari luar negeri dan dengan harga itu adakah apa-apa kemajuan dari segi "proposal" ataupun cadangan daripada Menteri Kewangan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi telah menyatakan bahawa ada tiga pihak yang bertanya dan membuat cadangan, tetapi bukan cadangan terperinci mengenai penswastakan itu, bererti ada yang berminat.

LULUSAN UNDANG-UNDANG— PEKERJAAN

8. **Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan** minta Menteri Kehakiman menyatakan kenapakah masih banyak terdapat lulusan undang-undang (law graduate) masih banyak yang tidak mendapat pekerjaan padahal kita sering kedengaran bahawa kita tidak mencukupi majistret-majistret, hakim-hakim, pendakwaraya dan pegawai mahkamah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa melantik pegawai-pegawai untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan adalah terletak kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Berdasarkan jumlah permohonan yang diterima untuk pengambilan ke dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sekarang ini, adalah didapati bilangan siswazah dalam bidang undang-undang telah meningkat sejak akhir-akhir ini. Namun demikian, pengambilan siswazah-siswazah tersebut untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam bergantung kepada jumlah kekosongan jawatan yang boleh diisi. Di samping itu perlu juga ditegaskan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sebagai pihak berkuasa melantik yang bertanggungjawab sentiasa mengutamakan kebolehan dan kesesuaian dalam pemilihan seseorang calon itu agar mutu perkhidmatan kehakiman dan perundangan di negara ini terus berada di peringkat yang tinggi.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Memandangkan bahawa di negara kita sudah ada lebih kurang 3 Institut Pengajian Tinggi yang dapat mengeluarkan graduan-graduan undang-undang seperti Universiti Kebangsaan termasuk juga Institut Teknologi MARA, dan memandangkan bahawa bilangan graduan ini telah bertambah sebagaimana diterangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri, apakah suatu pengiktirafan akan dibuat untuk menarik balik pengiktirafan yang telah dibuat terhadap graduan-graduan daripada

universiti luar negeri misalnya yang telah disebut di dalam seksyen 3 Akta Profesion Undang-undang tahun 1976 di mana kita mengiktiraf pelajar-pelajar atau graduates dari Universiti Singapura (National University of Singapore) kemudian Universiti Malaya di Singapura.

Memandangkan bahawa pertambahan ini banyak, apakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk membatalkan pengiktirafan terhadap universiti-universiti yang telah saya sebutkan tadi, tambahan pula Kerajaan Singapura hanya mengiktiraf graduan-graduan undang-undang daripada Universiti Malaya sahaja?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan mengambil sikap yang terbuka mengenai perkara ini dan akan mengasaskan pemilihan kepada kelayakan. Walau bagaimanapun, sudah tentu keutamaan akan diberikan kepada mereka yang telah menamatkan pengajian daripada Pusat Pengajian Tinggi dalam negeri yang diberi orientasi suasana tempatan.

MUTU BARANGAN KELUARAN NEGARA

9. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah konkrit untuk meningkatkan mutu barangan keluaran negara supaya ianya setanding dengan negara-negara maju. Apakah beliau sedar bahawa berlaku pembuatan barang-barang yang rendah mutu (Inferior quality) oleh pengilang-pengilang yang hanya mementingkan keuntungan. Apakah barang-barang yang rendah mutu juga dibenarkan untuk dieksport jika ia mengapa.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah, sedang dan akan melaksanakan beberapa langkah

yang konkrit untuk meningkatkan mutu barangan keluaran negara supaya ianya setanding dengan negara-negara maju. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) Pihak SIRIM setakat ini telah mengeluarkan sebanyak 1,377 buah piawaian yang boleh digunakan oleh pengilang-pengilang tempatan. Piawaian ini bertujuan untuk menjamin mutu barangan yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang tempatan. Agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti **MARDI**, **PORIM** dan juga **RRI**, juga memberi perhatian kepada usaha-usaha meningkatkan mutu barangan keluaran negara kita.
- (ii) Kerajaan telah menganjurkan Anugerah Barangan Cemerlang sebagai usaha untuk menggalakkan pengilang-pengilang tempatan mengeluarkan barangan yang bermutu tinggi.
- (iii) Kerajaan dari masa ke semasa menganjurkan seminar-seminar mengenai kawalan mutu untuk memberi kesedaran kepada pengilang-pengilang tempatan betapa pentingnya menjaga mutu barangan terutama sekali ke atas barangan yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan.
- (iv) Pakar-pakar dari luar negeri telah dibawa untuk memberi penerangan mengenai aspek-aspek kawalan mutu sama ada melalui seminar atau bengket, mengadakan perbincangan secara langsung (in-plant consultation) dengan pengilang-pengilang tempatan.
- (v) Kerajaan telah menyediakan insentif kepada pengilang-pengilang untuk memperbaiki

mesin-mesin yang digunakan oleh mereka dengan harapan Insentif ini dapat meningkat mutu keluaran mereka. Insentif juga diberikan kepada syarikat-syarikat yang memberi penekanan terhadap aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Mutu sesuatu barangan adalah satu perkara yang subjektif dan ianya berkait rapat dengan harga barangan tersebut. Pada lazimnya barangan yang bermutu tinggi dijual dengan harga yang lebih mahal dan sebaliknya.

Barangan yang bermutu tinggi dan rendah mempunyai pasarannya yang tersendiri. Bagi barangan yang bermutu tinggi pengguna bersedia membayar harga yang lebih tinggi dan begitu juga bagi pengguna yang hanya sanggup membayar harga yang rendah akan sanggup pula menerima bayaran barangan yang tidak begitu bermutu.

Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan pasaran bebas tidak boleh mengawal semua harga barangan di pasaran kerana ini akan membawa kesan yang negatif. Pengguna pula diberi kebebasan memilih barangan yang terdapat di pasaran mengikut kemampuan mereka.

Oleh itu dengan mengamalkan sistem pasaran bebas ini, masalah pengilang yang mengeluarkan barang-barang yang bermutu rendah dan mementingkan keuntungan sahaja tidak timbul kerana barangan keluaran mereka sudah pasti tidak akan mendapat pasaran.

Bagi barangan yang dieksport ianya berdasarkan "willing buyer" dan "willing seller" di mana pihak pengeksport dan pengimport akan mencapai persetujuan sebelum ianya diperdagangkan. Apa yang penting di sini pihak pengeksport menjual

barangan dengan mutu dan harga yang telah dipersetujui. Pihak pengimport biasanya menilai sesuatu barangan melalui "samples" yang dihantar oleh pengeksport dan kadangkala mereka memberi spesifikasi tertentu kepada pengilang untuk membuatnya dan sekiranya mereka telah mencapai persetujuan, mereka tidak dihalang oleh Kerajaan untuk menjual keluar negeri. Oleh itu sama ada Kerajaan membenarkan pengeksport menjual barangan yang bermutu rendah tidak timbul kerana perkara ini adalah untuk persetujuan di antara pengimport dan pengeksport. Walau bagaimanapun, bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan M. G. Pandithan: Lagi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang dikehendaki ialah menjawab soalan No. 9 itu bukan hendak memberi satu thesis. (*Tepuk*)

Tuan M. G. Pandithan: Jawapannya panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya tidak berapa panjang kali ini.

Ya, teruskan.

Tuan M. G. Pandithan: Walau bagaimanapun, bagi setengah barangan dan komoditi, Kerajaan mempunyai kawalan eksport bagi menjamin mutu barangan yang dieksport keluar negeri. Sebagai contoh, undang beku yang telah dimasak perlu mendapatkan Sijil Kesihatan dari Kementerian Kesihatan sebelum dieksport. Kementerian Kesihatan juga mengeluarkan Sijil Kesihatan ke atas barang-barang makanan yang lain sekiranya diminta. Bagi komoditi seperti getah, minyak kelapa sawit, kayu gergaji dan koko, Kerajaan telah memperkenalkan skim penggredan bagi menentukan tahap mutu

komoditi-komoditi tersebut. Dengan itu kita mempunyai gred-gred tertentu bagi getah, koko dan kayu gergaji di mana harga yang dijual adalah berbeza.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Setiausaha Parlimen atas jawapannya yang begitu panjang, yang kadangkala saya tidak memahaminya oleh kerana panjang sangat dan soalan saya yang pertama ialah adakah Yang Berhormat sudah membaca soalan yang disediakan oleh Kementerian sebelum mengemukakan jawapannya.

Yang keduanya, dalam jawapan Yang Berhormat tadi telah disebut beberapa langkah yang telah diambil untuk menentukan supaya mutu barangan yang dibuat di kilang-kilang negara kita ini ialah mutu yang tinggi dan baik tetapi semua rancangan ini saya rasa iatah rancangan yang terancang yang sebelum dilakukan dirancangan ertinya dilihat, ditentukan supaya ia disediakan dan kadangkala pengilang-pengilang ini pun mengetahui kalau ada pameran disediakan barang-barang yang baik, harang tidak baik, dia tidak sediakan. Jadi adakah cara-cara dijalankan untuk menentukan supaya cara spot-check dan lain-lain yang lebih berkesan dibuat untuk menentukan supaya barang-barang yang dikilang di negara kita ini ialah barang-barang yang benar-benar bermutu tinggi walaupun tanpa diketahui atau di spot-check oleh para yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama tidak payah jawab. Soalan yang kedua sama ada Kementerian mengadakan spot-check supaya barang-barang itu bermutu tinggi.

Tuan M. G. Pandithan: Penguatkuasaan dalam Kementerian ini sedang berbuat beberapa kali spot-check.

Tuan Yang di-Pertua: Okay.

KEMPEN ANTI KAYU-KAYAN TROPIKA

10. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan usaha dan strategi Kementerian dalam menentang kempen-kempen anti kayu-kayan tropika oleh negara pengimport dan apakah usaha Kerajaan dalam menstabilkan harga eksport kayu bulat dari negara ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan bagi menentang kempen anti kayu kayan tropika ialah dengan menyebarkan maklumat yang tepat tentang pengurusan hutan tropika di Malaysia yang bukan sahaja menitik beratkan pemeliharannya untuk membekalkan sumber-sumber hutan secara berkekalan bagi kegiatan-kegiatan ekonomi tetapi juga menitik beratkan soal pemeliharaan hutan bagi tujuan-tujuan menstabilkan alam sekitar.

Di samping itu maklumat-maklumat juga diberikan tentang usaha-usaha yang dijalankan bagi memulihkan hutan yang telah dibalok secara rawatan silviculture tanaman pengaya dan penumbuhan ladang-ladang hutan. Seterusnya ditekan juga usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan bagi mengurangkan penebangan hutan melalui kaedah-kaedah pengeluaran yang tidak perlu menggunakan bagi banyak kayu dan juga kaedah-kaedah menghasilkan barangan dari sisa-sisa kayu dan jenis-jenis kayu yang kurang terkenal.

Maklumat-maklumat seperti ini disebarkan melalui akhbar atau majalah di luar negeri juga filem-filem yang ditayangkan di media elektronik di luar negeri. Risalah-risalah juga disebarkan melalui Kedutaan Malaysia di luar negeri dan juga

dihantar kepada persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang berkepentingan di dalam hal ehwal hutan tropika.

Kementerian Perusahaan Utama juga menerbitkan satu risalah bertajuk Perhutanan di Malaysia pada tahun 1985 untuk disebar kepada pertubuhan-pertubuhan yang menggunakan kayu kayan tropika dan yang menjalankan kempen anti kayu kayan tropika. Risalah ini sedang diulang cetak pada tahun ini dengan dimuatkan maklumat-maklumat yang lebih kemaskini.

Di samping itu pada tahun 1985 juga Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) telah menjalankan satu misi teknikal ke beberapa negara Eropah untuk menjelaskan kedudukan sebenar tentang industri perhutanan tropika di Malaysia. Misi yang sama sedang berada di Eropah pada ketika ini bagi menangkis dakwaan pihak anti kayu tropika di Eropah khususnya di Jerman Barat, Belanda dan United Kingdom.

Mengenai menstabilkan harga kayu bulat iaitu balak, usaha yang dijalankan adalah melalui kawalan kadar penebangan dan eksport, di samping itu Kerajaan menggalakkan supaya balak diproses di dalam negeri melalui penubuhan industri pemerosesan kayu-kayan, terutama di peringkat hiliran. Galakan Kerajaan ini termasuklah menyediakan beberapa jenis pengecualian dan pemotongan kadar cukai, melonggarkan peraturan pemegang ekuiti asing dan juga penggunaan pekerja ekspatriat di dalam perusahaan kayu kayan, mengurangkan peraturan-peraturan birokratik berhubung dengan penubuhan dan operasi perusahaan kayu kayan serta menjalankan kempen menahk pelaburan asing.

Seterusnya usaha dijalankan juga oleh agensi pemasaran kayu Negeri Sabah dan Sarawak untuk meluaskan

pasaran balak selain daripada ke negara-negara di Asia Timur, umpamanya ke India yang telah menunjukkan tanda-tanda kejayaan. Dengan penawaran balak yang terkawal kepada pasaran antarabangsa, penggunaan balak yang meningkat di dalam negeri dan pasaran yang lebih meluas, harga balak akan dapat dipertahankan pada kadar yang memuaskan bagi para pengusaha balak.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini apakah akibat-akibat kempen anti kayu kayan tropika ini terhadap industri kayu kayan kita dan Industri kayu kayan tropika di seluruh dunia.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada kempen yang ditancarkan terhadap pengeksploitanian kayu tropika ini tidak mendatangkan kesan yang banyak kepada perusahaan kayu di Malaysia tetapi ia telah berjaya menarik minat para orang-orang yang berminat di dalam environment, dengan izin, untuk membuat desakan-desakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mengurangkan kadar pengeluaran balak dan penebangan hutan di negara ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat manakah kejayaan untuk menggalakkan pengeksportan kayu-kayu yang bermutu tinggi tetapi kurang dikenali sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan setakat manakah kejayaan yang diadakan untuk memelihara hutan-hutan yang perlu untuk ecology dan alam sekitarnya dan apakah nilai untuk menilai kejayaan yang disebutkan tadi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama mengenai usaha-usaha

menggalakkan penggunaan kayu yang kurang bermutu di luar negara, saya sukacita memberi makluman kepada Yang Berhormat bahawa usaha-usaha ini sedang berjalan sejak beberapa ketika yang lalu dan minat yang bertambah sedang ditunjukkan oleh negara-negara seperti Taiwan untuk membeli kayu-kayu yang dahulunya dibuang begitu sahaja atau dibakar kerana tidak ada pasaran di luar negeri. Tetapi dengan makin sukarnya kayu balak didapati daripada kawasan sebelah sini akibat daripada larangan eksport oleh negara pengeksport seperti Indonesia, maka kayu-kayu yang dahulunya tidak digunakan atau tidak ada harganya sekarang dapat dieksport.

Soalan yang kedua, mengenai usaha-usaha pemeliharaan hutan, saya telah menjelaskan kepada Dewan ini sebentar tadi bahawa usaha-usaha ini adalah suatu usaha yang berterusan dan sedang berjajian dan akan terus berjalan.

Walau bagaimanapun, sama ada kita akan dapat menambah lagi usaha-usaha untuk menanam semula hutan-hutan dan memperbaiki kerosakan hutan akibat daripada usaha-usaha pembalakan adalah bergantung kepada adanya sumber-sumber kewangan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr V. David.

(Soalan No. 11 Y.B. Dr V. David tidak hadir).

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN

12. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Perdana Menteri menjelaskan:

- (a) sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam

pentadbiran negara sejak mula dasar ini dilaksanakan hingga sekarang; dan

- (b) apakah langkah selanjutnya agar pelaksanaan dasar ini dijalankan di seluruh negara dengan lebih berkesan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor); Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini belum lagi dibuat kajian mengenai kesan pelaksanaan Dasar Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Namun begitu, pelaksanaan Dasar itu setakat ini telah menampakkan beberapa kesan yang positif dan antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Masyarakat Malaysia dari semua golongan pada masa ini telah menyedari bahawa Islam mempunyai nilai-nilai murni yang boleh diterapkan di dalam pentadbiran di semua sektor bagi menggantikan nilai-nilai yang sedia ada yang telah diperkenalkan oleh tamadun barat sebagai satu jawapan bagi menyelesaikan masalah-masalah dalam bidang perusahaan antara pekerja dan majikan dan semasa pekerja dan untuk meningkatkan produktiviti.

- (ii) Telah timbul minat yang meluas di kalangan pengurus, pentadbir dan ahli-ahli cendekiawan untuk mengetahui, mempelajari atau membuat penyelidikan tentang pelbagai aspek dalam pentadbiran dan pengurusan yang terdapat di dalam ajaran Islam. Ini terbukti dengan banyaknya

seminar dan bengkel diadakan dari semasa ke semasa, bukan sahaja oleh institusi-institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi Kerajaan, malah juga oleh badan-badan swasta.

Nilai-nilai Islam telah menjadi salah satu asas pertimbangan dalam proses perancangan dan membuat keputusan sama ada di peringkat individu, pengurusan dan juga kumpulan di Jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi yang lainnya.

Di samping itu telah timbul minat yang meluas di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli-ahli politik yang beragama Islam untuk mempelajari secara serius agama Islam dan tamadunnya dan seterusnya untuk menghayati ajaran Islam.

Mengenai dengan perkara (b) rancangan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dilaksanakan di seluruh negara melalui satu badan penyelarasan peringkat kebangsaan yang bernama Lembaga Bersama Penyelarasan Kegiatan Islam Malaysia. Lembaga ini dari semasa ke semasa mengesan dan menilai program-program dan membuat pindaan-pindaan atau perubahan-perubahan di mana perlu. Sistem yang ada sekarang adalah berkesan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi gambaran yang lebih baik di kalangan negara-negara Islam terhadap perlaksanaan dasar penerapan nilai-nilai Islam di negara kita ini, adakah Kerajaan bercadang untuk menutup atau menghapuskan lesen-lesen perjudian seperti Casino di Genting Highlands Empat Ekor dan sebagainya.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini dalam keadaan sekarang

pun pertambahan pelancong-pelancong daripada negara-negara Islam makin ternyata dan hari ini pun kita dapati bahawa satu rombongan daripada negeri Oman telah selesai datang dan telah pulang hari ini. Kesemuanya ini sebenarnya menunjukkan bahawa apa yang ada pada hari ini adalah sangat memberangsangkan.

Mengenai dengan usaha-usaha untuk menutup tempat-tempat perjudian, usaha itu adalah satu usaha yang dibuat oleh Kerajaan dengan rapi dan saya yakin usaha itu sekali lagi akan memastikan bahawa negara Islam akan menghargai Malaysia ini dengan lebih baik lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa usaha-usaha Yang Berhormat itu kalau tidak banyak pun sedikit bercanggah dengan apa yang sedang diusahakan oleh Kementerian Pelancongan?

Yang keduanya, pada masa sekarang pegawai-pegawai Kerajaan banyak terlibat dengan kumpulan tabligh. Jadi, apakah pada pandangan Yang Berhormat gerakan tabligh yang dilibatkan pegawai-pegawai Kerajaan ini merupakan gerakan yang sihat dan ini dianggap sebagai satu kejayaan dalam penerapan nilai-nilai Islam?

Dato* Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan usaha saya. Usaha ini adalah usaha Kerajaan untuk memastikan kebenaran dan kebaikan itu dapat wujud dalam negara kita ini dengan lebih baik dari semasa ke semasa. Apabila Kerajaan menubuhkan sebuah Kementerian baru yang bernama Kementerian Pelancongan maka ini sekali lagi akan menyakinkan bahawa apa pun Kementerian yang dibuat ia akan selaras dengan dasar-dasar yang sedia

ada. Pelancongan yang mungkin kelihatan bercanggah dengan prinsip Islam itu mungkin pelancongan yang belum dibuat secara organised ataupun belum teratur dan saya percaya perubahan yang positif akan berlaku sebaik sahaja Kementerian ini telah wujud kerana Kementerian ini sebenarnya Kementerian yang baru. Dan saya dengan Kementerian Kebudayaan sangat rapat bekerja di samping kita berkawan baik di antara sesama ahli-ahli dalam Kabinet.

Mengenai dengan masalah perkembangan tabligh, perkembangan tabligh telah pun dibuat satu kajian dan ia sebenarnya bukan merupakan perkembangan di negara ini sahaja kerana ia adalah ekoran daripada beberapa perkembangan di negara-negara yang lain. Dan dalam kajian itu ternyata bahawa tabligh yang ada dalam negara Malaysia ini adalah jauh lebih positif daripada tabligh yang wujud di beberapa buah negara yang lain. Kalau sekiranya ada gerakan tabligh yang tidak sihat maka usaha-usaha untuk menentangnya sedang dibuat oleh semua agensi agama termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri.

INDUSTRI BERAT DI PANTAI TIMUR SABAH

13. **Tuan Michael Asang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada pihak MIDA mempunyai rancangan untuk menggalakkan penubuhan industri berat di Pantai Timur Sabah bagi mewujudkan pekerjaan bilamasa industri Kayu Balak berakhir dalam beberapa tahun lagi.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya ingin menyatakan bahawa pihak Kerajaan telah pun membuat rancangan jangka panjang (1986—1995) untuk mempercepatkan pembangunan sektor perkilangan bagi seluruh negara. Pelan tersebut yang

dilancarkan pada bulan Januari, 1986 menekankan pembangunan dan penggunaan sumber-sumber asli keseluruhannya dengan tidak mengira industri berat atau ringan. Dalam hubungan ini, saya ingin menyatakan bahawa bagi Negeri Sabah, Kerajaan memang menggalakkan penubuhan projek "pulp & paper" yang secara kebetulannya bercorak "capital intensive" termasuk juga industri perkayuan.

BIASISWA KERAJAAN PERSEKUTUAN—PERUNTUKAN

14. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pendidikan menyatakan peruntukan biasiswa Kerajaan Persekutuan untuk semua Kerajaan negeri untuk Siswazah dalam negeri bagi tahun 1984 hingga kini dan menyatakan sama ada Kementerian ada rancangan untuk menambah peruntukan biasiswa bagi peringkat sekolah menengah dan universiti.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi tawaran biasiswa oleh Kerajaan Persekutuan kepada pelajar-pelajar di universiti tempatan tidak diagihkan mengikut negeri-negeri. Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan peruntukan masing-masing untuk tawaran biasiswa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Bagi Kementerian Pendidikan, tambahan peruntukan biasiswa untuk tawaran biasiswa bagi peringkat sekolah menengah dan universiti akan dipertimbangkan mengikut kemampuan kewangan Kerajaan. Keadaan kewangan negara pada masa ini tidak mengizinkan Kementerian Pendidikan menambahkan peruntukan biasiswa.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan dasar Kerajaan untuk menghapuskan semua biasiswa ini

menukar pinjaman kepada siswazah-siswazah, adakah formula yang digariskan sekarang untuk tujuan ini?

Dr Leo Michael Toyad: Cadangan Yang Berhormat itu boleh dipertimbangkan.

PROJEK PERUMAHAN DI SEGAMBUT—PENCEMARAN

15. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Hal Ehwal Wilayah Persekutuan terhadap Pemaju-pemaju Projek Perumahan di Wilayah Persekutuan yang nampaknya sengaja untuk mencemarkan penduduk-penduduk kampung asal Segambut umpamanya sekarang ini duduk di bawah bukit kerana kawasan perumahan swasta telah menambak tanah, air telah melempah masuk ke kampung dengan lumpur dan selut dan yang anih lagi kawasan pertakungan najis untuk projek tersebut diadakan di sempadan kawasan perkampungan asal di situ.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, dari segi perancangan dan pembangunan kawasan, perkampungan Segambut Bahagia dan Segambut Dalam adalah merupakan kawasan yang sedang membangun. Pada masa ini, Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meluluskan dua projek perumahan yang agak besar di kawasan ini, iaitu projek perumahan Segambut Jaya yang mengandungi 2,657 unit rumah dan Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn. Bhd. yang mengandungi 582 unit rumah di samping beberapa projek perumahan kecil yang lain.

Sebagaimana biasa, kelulusan bagi projek-projek tersebut telah dikenakan beberapa syarat penting

khususnya bertujuan untuk memastikan supaya pemaju-pemaju perumahan menjalankan kerja-kerja tanah di tapak pembinaan secara terkawal untuk mengelakkan daripada masalah hakisan tanah, banjir kilat dan sebagainya di kawasan sekitar.

Berhubung dengan masalah banjir kilat yang berlumpur di kawasan Segambut itu, sebenarnya, langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini telah dan sedang diambil oleh Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kerja-kerja membesarkan aliran "culvert", dengan izin, di bawah lintasan jalan keretapi di Jalan Segambut telah pun dilaksanakan. Pihak pemaju juga telah diarah untuk membina parit-parit induk dan sebahagian daripada parit-parit berkenaan telah pun siap dibina. Selepas daripada itu, pihak pemaju juga telah diarah supaya menanam rumput di muka-muka cerun yang sesuai bagi mengelakkan hakisan tanah di situ. Sehingga kini keadaan banjir kilat berlumpur yang kerap berlaku pada tahun 1985 telah berkurangan.

Berhubung dengan lokasi logi pembersihan najis yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai, ianya ditentukan berdasarkan kepada keperluan teknikal bagi memastikan ianya berhmgsi dengan secara berkesan.

UNIT KESELAMATAN DI SEMPADAN

16. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan Kerajaan telah menubuhkan unit-unit keselamatan terutamanya di kawasan sempadan. Adakah perkara ini berkesan kepada Keselamatan Negara. Berapa peratuskah kekurangan kejadian jenayah pada tahun 1987 ini dibandingkan dengan tahun 1986 dalam tempoh yang sama. Adakah

jenayah-jenayah yang berlaku di negara ini melibatkan orang-orang asing dan berapa peratus dan apakah langkah Kerajaan bagi mengurangkan orang-orang asing berada di negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan unit-unit keselamatan di kawasan sempadan teah berjaya mengawal keadaan keselamatan di kawasan tersebut dan juga negara kesetruhannya. Penempatan unit-unit keselamatan itu telah dapat menyekat kegiatan pengganas komunis, menyekat penyeludupan senjata serta dadah dan kemasukan orang-orang asing tanpa dokumen yang sah.

Mengenai keadaan jenayah, sebanyak 57,189 kejadian telah dilaporkan dari bulan Januari hingga Ogos 1987 berbanding dengan 62,014 sahaja dalam tempoh yang sama dalam tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, jumlah jenayah yang melibatkan orang asing adalah kecil. Kejadian jenayah melibatkan orang asing dari bulan Januari hingga Ogos 1986 hanya 374, manakala dalam tempoh yang sama bagi tahun 1987 sebanyak 293. Angka ini menunjukkan bahawa peratusan kejadian jenayah yang melibatkan orang-orang asing dalam tempoh tersebut kurang daripada 1%.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat tentang langkah-langkah mengurangkan orang asing di negara ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu, antaranya menghantar balik pendatang haram ke negara asal mereka, mengadakan kawalan-kawalan di kawasan yang diketahui sebagai tempat pendaratan dan menguruskan penghantaran mereka ke negara-negara yang ketiga.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah penubuhan unit-unit keselamatan yang dikatakan itu melibatkan juga penubuhan unit-unit keselamatan di sepanjang perairan negeri Sabah yang mana merupakan sempadan tempat pendatang haram, terutama sekali daripada Filipina untuk menyusup masuk ke negeri Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, memang ada cadangan pihak Kerajaan dahulu untuk mengambilalih masalah pendatang-pendatang haram di Sabah, tetapi oleh kerana Jabatan Ketua Menteri Sabah menganggap bahawa masalah ini dapat dikawal oleh Kerajaan Negeri Sabah sendiri dan pada masa ini Kerajaan Negeri Sabah sedang pun mengelolakan masalah-masalah ini. Setelah selesai pembancian dibuat dan jikalau sekiranya Kerajaan Negeri Sabah memerlukan pertolongan Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat bersedia untuk memberikan bantuan tersebut.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian dan meminta Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk mengetahui bersabit dengan persoalan yang telah dibangkitkan tadi mengenai masalah sempadan. Adakah Rambo Adam yang telah menyerah diri semalam perriah bertugas di Sempadan? Adakah beliau pernah berjumpa kerana apa yang telah ditulis di cermin dalam bilik penginapan di City Hotel mengatakan musuh-musuhnya ialah di antara orang-orang pendatang haram?

Yang kedua, pengawalan di sempadan ini saya yakin dengan tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri adalah satu tindakan yang baik, tetapi saya rasa kalau ditambah dengan

pembinaan tembok dan ditambah dengan kawalan unit yang begitu ketat, sepatutnya peratusnya makin berkurangan lagi. Apakah sebab masih ada terdapat insiden-insiden yang begitu banyak sedangkan kita ada mempunyai dua kawalan; kawalan unit dan pencegahan tembok di sempadan kita?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, bahawa Adam bin Jaafar belum lagi ditugaskan dalam hutan kerana dia baru sahaja keluar daripada latihan. Yang sebenarnya beliau hanya baru hendak diajar bagaimana menggunakan senjata-senjata yang lebih moden.

Tentang soalan yang kedua, kalau kita lihat peratusan jenayah yang berlaku pada tahun 1987 dalam jangka masa yang sama adalah berkurangan daripada tahun 1986 dalam jangka yang sama. Ini menunjukkan ada perubahan yang besar apabila unit kawasan atau sempadan dan tembok ini diadakan. Walau bagaimanapun, besar peratus jenayah ini bukan dilakukan di darat, tetapi adalah di laut di mana kita tidak dapat hendak dirikan tembok.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 11 dan 17 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

ANGKASA—KOPERASI YANG BERGABUNG

5. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjelaskan berapakah jumlah koperasi bergabung di bawah ANGCASA. Berapakah jumlah pungutan wang yang dikumpulkan dari koperasi gabungan setakat ini.

Bagaimanakah wang itu dibelanjakan. Apakah program-program ANGKASA yang telah dan sedang dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai):

Bilangan koperasi yang bergabung dengan ANGKASA sekarang ini berjumlah 1,100 buah. ANGKASA tidak ada mengumpulkan wang menerusi pungutan dari koperasi gabungan. Apa yang dijalankan menerusi BIRO Perkhidmatan ANGKASA (BPA) adalah satu perkhidmatan yang diberikan kepada koperasi-koperasi untuk membuat potongan gaji ahli-ahlinya bagi bayaran yuran, pinjaman, dan sebagainya. Wang ini kemudiannya disalurkan kepada koperasi-koperasi berkenaan dan bukan dikumpul untuk menjadi hak ANGKASA. Oleh itu tidak timbul soalan bagaimana wang ini dibelanjakan kerana ianya tidak dibelanjakan oleh ANGKASA.

Pada masa ini BPA atau Biro menjalankan potongan gaji untuk 295 buah koperasi berjumlah hampir \$38 juta pada satu bulan. Biro mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak 0.8% atau jumlah potongan (iaitu tidak sampai 1%) kepada koperasi gabungan.

Di antara Kegiatan yang dijalankan oleh ANGKASA adalah kursus-kursus untuk ahli-ahli koperasi dan juga ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi dari masa ke semasa. Ini diadakan di Negeri-negeri atau Daerah-daerah dan juga di tempat koperasi-koperasi sendiri jika ianya dianjurkan oleh koperasi berkenaan.

ANGKASA juga mengadakan perkhidmatan "pra-audit" untuk membantu koperasi-koperasi ahli mengemaskinikan akaun mereka supaya kerja audit boleh dijalankan.

Dalam usaha menggalakkan koperasi-koperasi menggunakan komputer, ANGKASA juga

mengadakan kursus-kursus pengenalan komputer yang dipanggil RANGKOM iaitu ringkasan daripada "Rancangan Komputer".

ANGKASA juga ada mengeluarkan penerbitan buku-buku dan majalah dalam bidang Gerakan Koperasi. Majalah yang menjadi "Suara ANKASA" ialah "PELANCAR". Penerbitan ini boleh didapati daripada ANKASA sendiri.

SKIM PENCEN BAGI KAKITANGAN KERAJAAN

11. Dr V. David minta Menteri Kewangan untuk menerangkan perkara yang tersebut:

Pada masa beliau membentangkan Anggaran Belanjawan 1987 beliau memberitahu Dewan bahawa kemudahan pencen kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan akan ditamatkan bagi semua pekerja-pekerja yang belum ditempatkan dalam jawatan berpencen, dan mereka akan dihendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Pergerakan kesatuan sekerja telah membantah keputusan ini, kerana kebajikan pekerja-pekerja akan dijejaskan.

Tetapi keputusan ini telah ditarik balik sebelum Majlis Agung UMNO diadakan, dan semua pekerja-pekerja sektor awam yang terlibat ditempatkan semula dalam skim pencen.

Apakah tujuan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam perkara ini memandangkan dari segi strategi heliau bagi meringankan beban kewangan Kerajaan yang pada masa sekarang berjumlah 846 juta ringgit setahun secara bayaran-bayaran pencen.

Bagaimanakah Yang terhormat Menteri Kewangan ingin membekalkan skim pencen ini dengan tabung tambahan dalam tempoh masa yang sangat singkat kerana menurut ucapan Belanjawan beliau sebelum Majlis Agung UMNO diadakan, beliau telah memberitahu dewan bahawa Kerajaan tidak bermampu memikul tanggungjawab kewangan yang sangat berat ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamad Karid bin Ariffin): Sebab serta tujuan untuk menarik balik cadangan yang dikemukakan dalam Belanjawan 1987 untuk membatalkan skim pencen bagi semua kakitangan Kerajaan yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun telah pun dijelaskan pada Dewan ini semasa memberi jawapan pertanyaan mulut kepada ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 1 Julai 1987 dan juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjung pada 9 Julai 1987.

Walau bagaimanapun ingin saya menegaskan di sini bahawa cadangan pembatalan skim pencen yang dikemukakan semasa membentangkan Anggaran Belanjawan 1987 dahulu akan hanya meringankan beban kewangan Kerajaan bermula pada tahun 2022 iaitu apabila kakitangan yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun mulai bersara. Oleh itu masalah tempoh yang sangat singkat untuk membekalkan perbelanjaan tanggungan pencen tidak timbul. Kerajaan tetap membekalkan tanggungan pencen seperti biasa dan bagi jumlah \$846 juta ini peruntukan telah pun disediakan dalam Belanjawan 1987. Ahli Yang Berhormat dari Puchong tentu sedar bahawa perbelanjaan untuk tujuan ini telah pun diluluskan oleh Parlimen dalam sidangnya tahun lalu. Sementara itu, bagi meringankan beban tanggungan Kerajaan bersabit

dengan pembayaran pencen ini kajian teliti sedang dibuat oleh Kerajaan.

PROJEK MAAL HURAH

17. **Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa matlamat utama Hijrah Rassullah s.a.w. adalah untuk memelihara aqidah. Sejauh mana projek "Maal Hjr" dirancang untuk memelihara aqidah dan adakah matlamat itu diambil kira dalam sambutan Maal Hijrah baru-baru ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Sambutan tahun baru Islam telah diberi nama Sambutan Maal Hijrah yang bermakna bersama-sama Hijrah iaitu bersama-sama semangat Hijrah. Objektif utama sambutan Maal Hijrah ialah:

- (a) Untuk memberi kesedaran dan fahaman kepada masyarakat seluruhnya tentang peri penting (significance) Hijrah dalam perkembangan Islam dan kemajuan tamaddun manusia seluruhnya; dan
- (b) Untuk memupuk atau memperbaharui semangat Hijrah iaitu persaudaraan, perpaduan, perjuangan dan pengorbanan.

Adapun perkara memelihara aqidah, ianya merupakan tugas dan tanggungjawab semua orang individu, keluarga, masyarakat dan juga Kerajaan dan tugas ini adalah sepanjang masa bukan pada masa menyambut Maal Hijrah sahaja. Semua kegiatan dakkwah dan pendidikan Islam yang dijalankan sejak dahulu hingga sekarang dan demikian juga penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang pentadbiran hukum syarak adalah antara lain bertujuan untuk memelihara aqidah Islamiyah.

WARGANEGARA MALAYSIA DI SIBU—MELAWAT CHINA

18. **Tuan Tieu Sung Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah paspot-paspot baru akan dikeluarkan kepada lebih seratus warganegara Malaysia di Sibu yang didapati tidak bersalah berkaitan dengan kes Polis Sibu No. 2781/86 yang dibuat pada 2-10-1986 mengenai cop "China Endorsement" (dengan izin) dan sama ada beliau sedar orang-orang yang berkenaan telah didenda selama lebih setahun tidak dapat membuat apa-apa perjalanan ke luar negeri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Mengikut Dasar Kerajaan yang sedang diamalkan sekarang, warganegara Malaysia yang ingin melawat Negeri China atas tujuan-tujuan tertentu adalah dikehendaki mendapat kebenaran Kerajaan. Bagi mereka yang telah diluluskan, Jabatan Imigresen akan membuat endosmen di dalam paspot masing-masing dan endosmen ini dikenali sebagai "Cop Khas ke Republik Rakyat China". Setelah mereka mendapat "Cop Khas" ini mereka hendaklah memohon visa ke Negeri China di Kedutaan China di Kuala Lumpur, dan selepas itu barulah mereka boleh membuat lawatan ke Negeri China.

Mana-mana Warganegara Malaysia yang melawat Negeri China tanpa kebenaran Kerajaan sebagaimana yang dinyatakan di atas, Kerajaan akan menarik balik pasport Malaysia yang telah diluluskan kepada mereka dan Kerajaan tidak akan mengeluarkan pasport atau apa-apa jua dokumen perjalanan kepada mereka untuk tempoh lima (5) tahun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menyatakan bahawa adalah tidak benar sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan

bahawa orang-orang yang terlibat di dalam kes Polis Sibu No. 2781/86 itu tidak bersalah.

Kedudukan sebenar kes mereka adalah seperti berikut:

- (i) Dalam bulan September 1986, Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Hong Kong telah melaporkan kepada Ibu Pejabat imigeresen Kuala Lumpur mengenai 97 orang warganegara Malaysia daripada Sarawak telah terkandas di Negeri China semasa mereka mengikuti satu rombongan melawat ke negeri tersebut anjuran Syarikat Grand Fortune Travel Services, Sibu, Sarawak.
- (ii) Ibu Pejabat Imigeresen telah memaklumkan kejadian tersebut kepada Pejabat Imigeresen Sarawak untuk siasatan dan Pejabat Imigeresen Sarawak kemudiannya telah meminta pihak Polis menjalankan siasatan.
- (iii) Daripada siasatan Polis didapati:
 - (a) 24 orang daripada mereka memiliki "Cop Khas" melawat Negeri China yang sah dan dikeluarkan oleh Pejabat Imigeresen Sarawak;
 - (b) 50 orang daripada mereka didapati memiliki "Cop Khas" melawat Negeri China yang dipalsukan;
 - (c) 23 orang lagi masih di dalam siasatan polis.

Selaras dengan Dasar yang telah saya nyatakan tadi, Kerajaan tidak akan mengeluarkan pasport atau apa-apa dokumen perjalanan kepada 50 orang yang telah disahkan oleh pihak

polis bahawa mereka telah melawat Negeri China dengan menggunakan kebenaran Kerajaan yang dipalsukan. Bagi 23 orang lagi yang sedang dalam siasatan polis, tindakan yang serupa akan diambil jika disahkan mereka juga melakukan kesalahan yang sama.

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH— PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

19. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan untuk Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil untuk tahun 1980-1986;
- (b) jumlah murid-murid yang berdaftar di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di negara ini antara tahun 1980-1986;
- (c) mengapa perbezaan peruntukan berlaku;
- (d) apakah kriteria yang digunakan dalam keputusan mengagihkan peruntukan tersebut;
- (e) mengapa kriteria peruntukan berasaskan jumlah murid-murid yang berdaftar tidak dilaksanakan.

Dr Lee Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan bagi Sekolah Rendah yang telah diuluskan antara 1980-1986 ialah berjumlah \$996,481,804.00. Peruntukan yang telah diberikan itu tidaklah dibahagi-bahagikan kepada mana-mana jenis

sekolah, tetapi dibahagi-bahagikan mengikut keperluan sekolah-sekolah berkenaan tanpa mengira sama ada Sekolah Kebangsaan ataupun Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Oleh hal yang demikian tidaklah timbul soal perbezaan tentang peruntukan tersebut.

Jumlah peruntukan Sekolah-sekolah Rendah bagi perbelanjaan mengurus untuk tahun 1980-1986 adalah seperti berikut:

| | |
|------|-----------------|
| 1980 | \$ 796,401,300 |
| 1981 | \$1,036,985,600 |
| 1982 | \$1,108,740,900 |
| 1983 | \$1,193,448,700 |
| 1984 | \$1,253,586,500 |
| 1985 | \$1,377,449,900 |
| 1986 | \$1,435,427,500 |

Jumlah ini meliputi peruntukan-peruntukan bagi Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Biasanya Kementerian ini memberi peruntukan tersebut kepada Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri untuk mengagih-agihkannya kepada Sekolah-sekolah Rendah. Pengagihan peruntukan terutamanya dengan izin "perkapita grants" sememangnya menggunakan bilangan murid yang berdaftar di sekolah-sekolah berkenaan sebagai kriterianya. Oleh yang demikian jelaslah Kementerian ini tidak membeza-bezakan pengagihan peruntukan antara Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Perbezaan peruntukan cuma timbul apabila terdapat perbezaan dari segi bilangan murid-murid di sekolah-sekolah tersebut.

Jumlah murid yang berdaftar di Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan

(Tamil) untuk tahun 1980-1986 adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>SK & SRK</i> | <i>SRJK (C)</i> | <i>SRJK (T)</i> | <i>Jumlah</i> |
|--------------|---------------------|-----------------|-----------------|---------------|
| 1980 | 1,353,319 | 581,696 | 73,958 | 2,008,973 |
| 1981 | 1,372,426 | 588,317 | 73,513 | 2,034,256 |
| 1982 | 1,408,516 | 589,980 | 73,897 | 2,072,393 |
| 1983 | 1,450,667 | 595,043 | 74,255 | 2,119,965 |
| 1984 | 1,482,335 | 588,936 | 75,028 | 2,146,299 |
| 1985 | 1,530,793 | 585,082 | 76,653 | 2,192,528 |
| 1986 | 1,568,649 | 582,104 | 81,051 | 2,331,804 |

Enrolmen ini adalah seperti yang terdapat pada 31hb Januari bagi tahun-tahun yang berkenaan.

JEMAAH INDUSTRI KAYU BALAK MALAYSIA

20. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah Jemaah di bidang Industri Kayu Balak Malaysia, seperti yang diadakan pada Getah, Lada dan Bijih Timah untuk mengawal wang hasil daripada perusahaan tersebut kepada negara-negara asing.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kerajaan pada masa ini sudah pun mempunyai beberapa Lembaga mengenai industri kayu-kayan yang juga meliputi balak. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia umpamanya mengawasi perdagangan kayu-kayan di dalam negeri, menggalakkan pemasaran kayu-kayan Malaysia di dalam dan luar negeri serta menggalakkan pemprosesan kayu-kayan di dalam negeri. Satu lagi Lembaga ialah Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia yang bertanggungjawab menjalankan penyelidikan-penyelidikan bagi pengurusan dan pembangunan hutan yang lebih baik serta penyelidikan-penyelidikan yang mendatangkan hasil maksima kepada negara di samping

memberikhidmatnasihat e k n i k ` k e p l i k e n d u k a n k e m u s i h a b a l i y u (Tuan Chian Heng Kai) kepada Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah pada 15 November 1986 dan 4 Mei 1987 untuk tahun ini telah disampaikan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan peruntukan. Jika ya, sila nyatakan apakah projek-projek itu yang dapat peruntukan dan bilangan wang bagi setiap projek itu, jika tidak, mengapa;

JAWATAN TINGGI DI SEKOLAH-SEKOLAH CINA

21. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa dalam tempoh 10 tahun yang lalu sering berlakunya Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri menghantarkan orang-orang yang tidak memahami Bahasa Tionghua ke sekolah-sekolah Cina untuk memegang jawatan-jawatan tinggi. Adakah tindakan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahawa peristiwa tersebut tidak akan diulangi.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah kurang tepat bagi Ahli yang Berhormat untuk menyatakan bahawa Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri sering menghantarkan orang-orang yang tidak memahami Bahasa Tionghua ke Sekolah-sekolah Cina untuk memegang jawatan-jawatan tinggi dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Kementerian patuh dengan syarat-syarat perkhidmatan dan memberikan perhatian dari segi kesesuaian.

PERUNTUKAN PROJEK KAWASAN PARLIMEN BUKIT MERTAJAM

22. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada cadangan projek-projek bagi kawasan Parlimen Bukit Mertajam yang

- (b) apakah projek-projek bagi kawasan Parlimen Bukit Mertajam untuk tahun 1987 yang di bawah perbelanjaan item ini telah, sedang dan akan dijalankan dan jumlah wang perbelanjaannya.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (a) Permohonan daripada Yang Berhormat berkenaan untuk mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan projek-projek kecil di kawasan Parlimen Bukit Mertajam telah diterima oleh Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah. Permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan sepertimana yang diberitahu oleh surat-surat Pegawai Daerah berkenaan kepada Yang Berhormat bertarikh 12 Oktober 1987.

- (b) Beberapa projek kecil telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Bukit Mertajam dalam tahun 1987. Projek-projek berkenaan meliputi projek-projek infrastruktur seperti membina jalan, titi dan parit termasuk juga projek-projek keagamaan, ekonomi dan sosial. Jumlah perbelanjaan yang terlibat ialah sebanyak \$184,370.50.

PUSAT PERTUMBUHAN DESA

23. Tuan Hashim bin Safin minta Perdana Menteri menerangkan bilakah agaknya Pusat Pertumbuhan Desa benar-benar akan diwujudkan. Kementerian atau Jabatan manakah yang akan menjadi koordinator kepada usaha tersebut dan berapakah jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan. Sejauh mana Kerajaan dapat menjamin penghijrahan belia-belia dan beliawanis-beliawanis desa ke bandar-bandar besar melalui program ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa pusat pertumbuhan baru ini sudah pun lama diperkenalkan dan sedang dalam pelaksanaan melalui rancangan pembangunan tanah dan wilayah seperti PELDA, Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) dan juga melalui Program Halacara Baru Pembangunan Kampung dan Luar Bandar.

Dalam melaksanakan program ini Kementerian-kementerian yang melibatkan diri sebagai penyelaras adalah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk Program Halacara baru Pembangunan Kampung dan Luar Bandar dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) dan FELDA.

Berhubung dengan jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan pula ianya datang dari berbagai-bagai agensi yang terlibat dalam melaksanakan sesuatu program itu secara keseluruhannya dan dengan hal yang demikian peruntukan khusus untuk pembangunan pusat pertumbuhan sahaja adalah sukar untuk diasing dan dijumlahkan dengan tepat.

Sejauh mana ianya menyentuh perkara penghijrahan belia dan beliawanis ke bandar-bandar, ini adalah merupakan hak individu. Walau bagaimanapun melalui program-program seperti yang tersebut di atas, Kerajaan sentiasa berusaha menyediakan kemudahan-kemudahan seperti kemudahan sosial dan riadah, infrastruktur termasuk perumahan, tempat-tempat penginapan, sekolah, pusat kesihatan, bekalan air, elektrik dan lain-lain di pusat-pusat pertumbuhan. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini Kerajaan berharap ianya akan menarik penduduk dari kawasan-kawasan desa yang kurang berpotensi maju ataupun padat penduduk berhijrah ke pusat-pusat pertumbuhan ini dan dengan itu mengelakkan mereka dari berhijrah ke bandar-bandar besar yang lain.

BANK CCB—SIASATAN SKANDAL

24. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah pihak polis akan menyempurnakan siasatan skandal Bank CCB. Sudahkah belum polis siasat semua peminjam-peminjam besar CCB seperti Tan Koon Swan, Wang Choong Wing, Wee Boon Ping dan lain-lain. Jika sudah, apakah hasilnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Laporan mengenai skandal Bank CCB masih dalam siasatan terakhir pihak polis. Oleh itu adalah tidak wajar bagi saya membuat apa-apa kenyataan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

HUKUMAN MAKSIMA KEPADA BANDUAN REMAND

25. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar kes seorang banduan remand, Encik Mohamad

Zainal Hashim yang ditempatkan dalam remand selama 3 tahun di Kota Kinabalu untuk satu tuduhan kesalahan yang mana hukuman maksima ialah 2 tahun, jika sedar, sama ada Kementeriaannya akan mengambil daya usaha apa-apa tindakan bagi Kerajaan memberikan pampasan kepada Encik Zainal kerana diremand selama 3 tahun secara tidak adil atau tidak munasabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Untuk makluman ahli Yang Berhormat. Kerajaan mengambil perhatian berat terhadap kejadian yang berlaku ke atas Encik Zainal Hashim dan Kerajaan sedia menimbang pampasan kepada beliau sekiranya ada cukup bukti bahawa berlaku kelalaian terhadap mana-mana pegawai Kerajaan yang bertindak atas tugas rasminya,

(Soalan No. 26. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-1987).

CUKAI JALAN—PUNGUTAN

27. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah pungutan tahunan cukai jalan kenderaan, cukai bahanapi dan cukai memandu untuk 3 tahun yang lalu dan dengan jumlah pungutan ini, adakah perlu untuk membebaskan pengguna-pengguna jalan dengan membina lebih tol jalan.

Dato' S. Samy Vellu: Mengikut maklumat yang saya terima jumlah pungutan cukai jalan, bahanapi dan bayaran lesen memandu adalah seperti berikut:

Bagi Tahun 1984—

| | |
|----------------------------|-----------------|
| (i) Cukai jalan | \$56759juta |
| (ii) Bayaran lesen memandu | \$4972juta |
| (iii) Cukai bahanapi | \$82410juta |
| Jumlah | \$1,441 41 juta |

Bagi Tahun 1985—

| | |
|---------------------------|------------------|
| (i) Cukai jalan | — \$ 561 40 juta |
| (u) Bayaran lesen memandu | — I 70.49 juta |
| (111) Cukai bahanapi | — I 956.59 juta |

Jumlah \$1,588 78 juta

Manakala bagi (aKun 1986—

| | |
|----------------------------|-------------------|
| (i) Cukai jalan | — \$ 565 28 juta |
| (ii) Bayaran lesen memandu | — \$ 61.87 juta |
| (ii) Cukai bahan api | — \$1,293.83 juta |

Jumlah: \$1,920.98 juta

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah pungutan cukai-cukai tersebut bukanlah untuk perbelanjaan membina lebuh raya-lebuh raya tol di negara ini. Cukai-cukai tersebut dikutip tiap-tiap tahun dan dimasukkan ke dalam "Kumpulanwang Persekutuan Disatukan Federal Consolidated Fund". Wang ini adalah digunakan di antara lain untuk tujuan perbelanjaan mengurus tahunan dan juga belanja pembangunan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum juga, wang dari pungutan cukai-cukai tersebut dan juga sumber-sumber lain dalam negara ini, pada lazimnya, tidak mencukupi untuk pembangunan, dan perlu ditambah dengan sumber-sumber pinjaman luar negeri. Peruntukan pembangunan yang diluluskan oleh Dewan ini tiap-tiap tahun adalah digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan, termasuk pembinaan projek-projek jalan raya, yang diagihkan menurut budibicara Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, perbelanjaan bagi pembinaan lebuh raya pula adalah dibiayai melalui pinjaman-pinjaman dari Bank-bank Komersial dan dari Kerajaan Persekutuan yang dibuat oleh Lembaga Lebuh raya Malaysia. Oleh itu, kutipan tol yang dibuat adalah digunakan untuk tujuan membayar

balik pinjaman pokok serta faedahnya, kos operasi dan juga kos penyelenggaraan lebuhraya tersebut.

(Soalan No. 28. Sila lihat jawapan No. 8 pada 12-10-1987).

(Soalan No. 29. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-1987).

TARIKH PEMBENTUKAN MALAYSIA

30. **Datuk Bernard Giluk Dompok** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan mengistiharkan 16 September sebagai hari kelepasan am untuk memperingati tarikh pembentukan Malaysia, serta memilih Kota Kinabalu atau Kuching sebagai pusat perayaan Hari Malaysia di peringkat kebangsaan sepertimana yang pernah dilakukan di Melaka, kerana ini akan mempereratkan integrasi nasional serta menimbulkan perasaan menyintai Negara yang lebih di kalangan rakyat di kedua buah negeri tersebut.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan tidak bercadang untuk mengistiharkan 16 September sebagai hari kelepasan am untuk memperingati tarikh pembentukan Malaysia kerana 31hb Ogos telah diterima oleh semua golongan rakyat sebagai Hari Kebangsaan Malaysia.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Yang Disatukan

untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bugi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari Jumaat, 23hb Oktober, 1987.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini ditimbangkan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (19hb Oktober, 1987).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh, sila sambung.

3.38ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Pengerusi, sewaktu Dewan ditangguhkan semalam saya membangkitkan tentang perlintakan Ahli-ahli Panel di bawah Pasal 4 dan saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri Kewangan apakah kedua-dua pegawai Kerajaan yang akan dilantik untuk menjadi Ahli Panel adalah pegawai-pegawai Kerajaan yang berpangkat tinggi? Umpamanya, adakah Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan adalah dilantik sebagai Ahli Panel ataupun seorang pegawai yang rendah daripadanya? Kalau pegawai itu rendah daripada jawatan Ketua

Setiausaha kementerian, maka apakah taraf pegawai Kerujaan itu dalam Kementerian Kewangan? Oleh kerana ini harus diketahui supaya dapat Dewan ini memahami setakat manakah pegawai itu boleh membantu menjalankan tugas-tugas Panel itu.

Yang kedua, seorang pegawai dari Jabatan Perdana Menteri akan juga dilantik oleh Menteri Kewangan untuk menjadi Ahli Panel. apakah pangkat pegawai ini dalam Jabatan Perdana Menteri? Adakah pangkat pegawai ini setaraf dengan pangkat yang dipegang oleh pegawai daripada Kementerian Kewangan? Kalaulah katakan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan dilantik sebagai ahli panel, siapakah di dalam Jabatan Perdana Menteri, apakah pangkat yang setarafnya dalam JPM yang akan dilantik untuk menjadi Ahli Panel, oleh kerana kedua-dua pegawai ini haruslah jadi pegawai yang mempunyai pengalaman, mempunyai pengetahuan dalam bidang di mana Rang Undang-undang ini diberi kuasa untuk menjalankan tugasnya.

Sepertimana yang saya katakan semalam, tempoh hendaklah di ketahui dalam melantik orang-orang atau Ahli-ahli ke dalam Panel ini dan juga saya hendak merti dapat maklumat daripada Timbalan Menteri adakah Panel ini diberi kuasa sepenuhnya satu blank cheque, dengan izin, untuk membuat sebarang pelaburan atau lain-lain kegiatan sepertimana yang dikehendaki oleh Rang Undang-undang ini dan sekiranya ya, tidakkah ada pengawasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Marang bangun, adakah hendak beri jalan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan.

Tuan P. Patto: Tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh. Ya, tak boleh.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, ini berkaitan dengan perkara-perkara yang kita bincangkan semalam.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya tak beri jalan, dia tak fahamkah?

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, biarlah saya hendak bercakap dengan dia. Ahli Yang Berhormat dari Marang, jika dia tak bangun mengikut Peraturan Mesyuarat, kita tak boleh minta penjelasan. Itu mengikut Peraturan Mesyuarat. Sila teruskan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sungguh kesal ada Ahli-ahli dalam Dewan ini yang tak faham Peraturan, tak faham cara mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Sudahlah itu, Ahli Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, itulah yang saya ingin mendapat tahu, apakah jenis pengawasan yang ada ke atas operasi di atas kegiatan Panel ini dan di dalam Fasal 4. (4) juga ada menyebutkan:

"(4) Maka bolehlah dibayar kepada setiap anggota Panel daripada Kumpulan Wang itu apa-apa elaun, termasuk elaun perjalanan dan elaun sara hidup, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa".

Ini adalah satu kuasa yang terlalu luas yang diberi kepada Menteri oleh kerana apa yang disebutkan adalah termasuk elaun perjalanan dan elaun sara hidup dan nampaknya ada juga lain-lain elaun. Apakah jenis-jenis eiaun yang lain yang Menteri akan menentukan dari masa ke semasa.

Dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu jaminan bahawa kuasa yang sebegitu luas yang diberikan itu tidak akan disalahgunakan supaya mengawal bermacam-macam elaun yang diperuntukkan oleh Menteri Kewangan apabila Rang Undang-undang ini menjadi Akta. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.42ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, saya ingat kesemua soalan-soalan yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh sudah pun terjawab di dalam Rang Undang-undang itu sendiri.

Walau bagaimanapun, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat tidak faham, saya ingin menjelaskan selanjutnya sedikit lagi. Yang pertama, pegawai-pegawai yang berpangkat tinggi atau tidak daripada Jabatan Perdana Menteri, tentu sekali perlantikan yang dibuat tidak terdiri daripada pegawai-pegawai yang berpangkat rendah. Adalah tidak menasabah kalau difikirkan dalam fikiran Ahli Yang Berhormat bahawa Pegawai-pegawai yang berpangkat rendah sahaja yang dipilih. Tentu sekali kita akan beri perlantikan ini kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab iaitu pegawai-pegawai yang mempunyai pangkat dan mempunyai pengalaman dan juga memenuhi syarat-syarat yang telah pun saya sebutkan semalam.

Yang kedua, berkenaan dengan tempoh, masa perlantikan pegawai-pegawai ini seperti biasa adalah tempoh yang menasabah mengikut kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Menteri Kewangan.

Yang ketiga, Ahli Yang Berhormat itu juga telah menimbulkan bahawa dalam hal pengawasan dan jaminan

yang akan diberikan, saya telah pun menerangkan dengan panjang lebar bahawa kuasa yang diberi kepada Menteri Kewangan dan juga Ahli-ahli Panel yang dilantik oleh Menteri Kewangan sebagai satu institusi, tentu sekali yang tertakluk di bawah perkataan "amanah" dijalankan mengikut amanah yang telah pun diturunkan kepada pihak-pihak yang tertentu. Oleh kerana itu, jaminan demi jaminan yang telah pun saya berikan kelmarin dan semalam, sudah pun berulang-ulang kahi saya sebut. Kalau misalnya Ahli Yang Berhormat dari Ipoh berkehendakkan satu jaminan yang lebih kuat daripada itu, saya hanya dapat mengatakan bahawa, dengan izin, it's the word of our honour. Terima kasih.

Fasal 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5—

3.46 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa kita memotong *Fasal 5 (1) (a)* dan menomborkan semula subseksyen-subseksyen berikutnya yang terdapat dalam *Fasal-kecil 5 (1)*.

Tuan Pengerusi, dalam jawapan kepada saya dalam bulan Oktober, 1985 di Dewan yang mulia ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, Dato Dr James Ongkili, telah berkata bahawa Kumpulan Wang Amanah Negera adalah bertujuan menyimpan wang daripada industri-industri yang volatile dan fluctuating, dengan izin, berasaskan kepada sumber-sumber semulajadi yang berkurangan seperti petroleum, bijih timah dan lain-lain logam. Sekiranya inilah hakikatnya dan ini tidak dinafikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila beliau membentangkan Rang Undang-undang ini, maka *Fasal 5 (1)*

hendakiah dimansuhkan kerana wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan tidak harus disumbangkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Negera dan ini tidak konsisten dan sebab itulah saya kemukakan cadangan saya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat meminta dipotong Fasal 5 (1) atau Fasal 5 (1) (a)?

Tuan Pengerusi: Fasal 5 (1) (a). Adakah Yang Berhormat hendak menjawab sekarang?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, cadangan untuk memotong Fasal 5 (1) (a) adalah tidak wajar kerana Kumpulan Wang Yang Disatukan boleh dibayar ke dalam Tabung ini dan ia sebenarnya tidak bercanggah dengan apa-apa dasar pun.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 5 (1) (b) terbuka untuk dibahas.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan bahawa dimansuhkan selepas sahaja perkataan "Kumpulan Wang" yang terdapat dalam Fasal 5. (1) (b) perkataan-perkataan berikut:

"Selagi sumbangaii-sumbangan yang dibuat setiap tahun tidak melebihi 3% daripada keuntungan bersih tahunan".

Tuan Pengerusi, Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa PETRONAS boieh membuat sumbangan-sumbangan sedemikian kepada Kumpulan Wang tersebut dan yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa pada permulaan PETRONAS akan menyumbang \$100 juta terhadap Kumpulan Wang tersebut. Pada masa ini PETRONAS memperolehi keuntungan yang besar

setiap tahun dan keuntungan selepas cukai untuk tahun:

| Tahun | \$ (Bihon) |
|--------|------------|
| 1980 | \$2.2 |
| 1981 | \$2.3 |
| 1982 | \$2.3 |
| 1983 | \$2.4 |
| 1984 | \$2.9 |
| 1985 | \$3.8 |
| 1986 | \$3.85 |
| Jumlah | \$19.75 |

Dan mengikut keuntungan yang diperolehi oleh PETRONAS kini, sumbangan \$100 juta setahun itu merupakan kira-kira 3% daripada keuntungan tahunannya.

Maka dengan sebab itu, saya mencadangkan bahawa peratusan ini hendaklah dicatatkan di dalam Rang Undang-undang ini supaya apa-apa kajian semula ke atas peratusan ini akan dibuat dengan kebenaran baru Parlimen. Ini akan memastikan bahawa Parlimen akan mengenakan pertanggungjawapan yang lebih ke atas penendalian Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.50ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Cadangan untuk meminda Fasal 5(1) (b) pada saya adalah satu cadangan yang tidak rational, tidak bijak dan tidak berfikiran panjang. Itu satu cadangan yang mempunyai fikiran yang sempit.

Pada dasarnya apabila kita menjalankan sesuatu Tabung Amanah Negara adalah tidak wajar diikat begitu

ketat. Apakah akan berlaku jika sekiranya sumbangan 3% yang dikira mengikut kiraan Yang Berhormat tadi yang mencadangkan adalah terlalu kecil. Maka eloklah kita memberi satu clause ataupun meluluskan satu perenggan ataupun satu fasal yang mempunyai kebebasan sedikit dari segi peratusan ataupun banyaknya sumbangan daripada PETRONAS.

3.57 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, jawapan Yang Berhormat tadi itu tidak rational juga. Kerana saya tidak nampak mengapa dia tetapkan \$100 juta daripada mana, kadar apa, apakah rationalnya \$100 juta daripada \$3.5 billion diambil \$100 juta. Dia anggap itu bijak. Apakah kriteria yang digunakan untuk menetapkan kadar sedemikian itu belum jawab lagi. Kalau bijak kita jawab dengan betul dan benar.

3.52 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat yang bijak. Izinkan saya menjawab, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Rationalnya ialah kita melihat ini sebagai permulaan. Kalau kita baca Seksyen 5 (1) (b) betul-betul "apa-apa sumbangan sebagaimana yang dibuat oleh Petroliam Nasional Berhad kepada Kumpulan Wang".

Sebagai permulaan kita mula dengan satu Kumpulan Wang berjumlah \$100 juta dan boleh ditambah dari satu masa ke satu masa mengikut keadaan jika perlu.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bangun hendak masuk dalam Pasal 5 (2)?

Tuan Lim Kit Siang: Fasal 5 (1) (b) lagi.

Tuan Pengerusi: Saya minta jangan. Cukuplah. Fasal 5 (1) (b) Sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah cukup.

Tuan Pengerusi: Minta masuk kepada Fasal 5 (2).

Tuan Lim Kit Siang: Fasal 5 (2), baik.

Fasal 5 (2)—

3.53 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadang bahawa memotong keseluruhan Fasal kecil 5 (2). Saya cadang supaya dibuat pemotongan ini yang membenarkan PETRONAS, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Perbadanan-perbadanan Awam membuat sumbangan terhadap Kumpulan Wang Amanah Negara dimansuhkan kerana sumbangan-sumbangan seumpama itu adalah bertentangan dengan undang-undang.

Atau yang berbunyi:

"5 (2) Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa sumbangan di bawah perenggan (b) dan (f) subseksyen (1) bolehlah dibuat dalam setiap tahun kewangan. ..."

Mengapa subseksyen ini perlu. Kecuali Yang Berhonnat Timbalan Menteri boleh memberi alasan-alasan yang boleh, dengan izin, justify betapa perlunya peruntukan tersebut dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang untuk membolehkan

PETRONAS, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Perbadanan-perbadanan Awam bertindak bertentangan atau berlawanan dengan undang-undang, maka seksyen ini hendaklah dimansuhkan.

Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu menerangkan khasnya kenapa perlu satu peruntukan di mana membolehkan Petronas, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Perbadanan-perbadanan menjalankan tindakan bertentangan dengan undang-undang yang ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

3.56 *ptg.*

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya tidak perlu menjawab, sebab kita tahu semua bahawa ini adalah satu saving clause yang mengikut kebijaksanaan Kerajaan adalah untuk satu expediency sebenarnya. Dan saya ingat Yang Berhormat daripada Tanjong pun tahu akan niat clause ini diadakan. Dan sekali lagi saya memberi jaminan jikalau sekiranya terhadap kebijaksanaan di mana perlu kita menimbang ataupun menentukan bahawa sebarang peruntukan yang boleh membenarkan keuntungan daripada Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) di buat kepada Tabung ini perlulah dibuat dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dipinda dengan memotong:

- (1) Fasal 5 (1) (a) dan menoraborkan semula subseksyen-subseksyen berikutnya yang terdapat dalam Fasal kecil 5(1);
- (2) dengan memasukkan selepas sahaja Kumpulan Wang yang

terdapat perkataan-perkataan berikut:

"selagi sumbangan-sumbangan telah dibuat setiap tahun tidak melebihi 3% daripada keuntungan bersih tahunan;"

- (3) dengan memotong keseluruhan Fasal kecil 5 (2).

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi: Saya kemukakan semula Fasal 5. Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi kita bincangkan di atas pindaan. Sekarang ini bukan di atas pindaan itu. Tidak ada siapa yang hendak bercakap?

Fasal 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7—

3.58 *ptg.*

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi jika dibenarkan saya bercakap sedikit berkenaan dengan cadangan pindaan ini. Jika cadangan ini diterima maka ia tertakluk kepada Standing Order 57 (4) (a).

Tuan Pengerusi: Point of order Yang Berhormat bercakap sekarang?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: 57 (4) (a)

Tuan Pengerusi: 57 (4) (a).

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Ingin saya jelaskan di sini bahawa kelmarin kita telah menerima bahawa perkataan "OECD" telah pun dimasukkan sebagai sebahagian daripada Rang Undang-undang ini. Jadi, kalau sekiranya cadangan untuk memotong perkataan-perkataan

"mana-mana negara asing yang menjadi anggota OECD, mana-mana institusi di mana sekuriti-sekuriti itu dijamin penuh oleh mana-mana negara yang menjadi anggota OECD, atau mana-mana institusi-institusi kewangan antarabangsa." Dalam Fasal 7 (1) (a) tidak mempunyai makna langsung.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong apa hendak jawab?

4.59 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, dalam bahagian difinasi sahaja. Ini yang pokok apa yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini. Sebenarnya ini lebih mustahak dan saya rasa ini untuk diputuskan sahaja mengikut peraturan.

Tuan Pengerusi: Nanti saya hendak baca dulu. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan di luar negeri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tidak. Cadangan mengenai Fasal 7 (1) (a) yang dibawa tadi iaitu, dengan memotong perkataan-perkataan, saya minta maaf, saya tersilap sedikit tadi, dengan memotong perkataan "di luar Malaysia" selepas perkataan "di dalam" yang terdapat di dalam Fasal 7 (1) (a). Minta maaf. Saya ingin menjelaskan, jikalau sekiranya kita menerima pindaan ini, maka dia tidak akan menjadi satu Rang Undang-undang iaitu ia akan berbunyi pelek sedikit. Jikalau kita baca, dengan memotong perkataan "di luar Malaysia", cuba kita baca 7 (1) (a), "Panel boleh melaburkan wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang sebagai deposit di mana-mana bank, di dalam", kalau dipotong perkataan "di luar Malaysia", dia akan berbunyi "sebagai deposit di mana-mana bank, di dalam atau dalam apa-apa matawang termasuk ringgit;".

Jadi pindaan ini tidak mempunyai satu makna yang tegas, "unintelligible and ungrammatical", dengan izin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, nanti sekejap. Kita bercakap ini di atas point of order. Baik, Yang Berhormat hendak bercakap apa?

Tuan Sim Kwang Yang: Fasal 7 (1) (a) tidak menyebutkan nama OECD dan kerana itu wang amanah ini boleh dilaburkan dalam negara-negara asing yang bukan ahli OECD juga. Oleh kerana itu objection yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak wujud sama sekali.

Tuan Pengerusi: Yang sebenarnya, apa yang dia objek berkenaan pindaan nombor 2 ini ialah bunyi pindaan itu bukanlah grammatical. Minta pinda sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya sebutkan? Sebenarnya saya mengakui bahawa Malaysia ditinggal tetapi sungguhpun perkataan "Malaysia" dikeluarkan akan berbunyi, "sebagai deposit di mana-mana bank di dalam apa-apa matawang termasuk ringgit." Itu satu kesitapan, saya mengakui dan Malaysia patut ditinggal di situ dan memotong "atau di luar" sahaja.

Tuan Pengerusi: Atau di luar Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Atau di luar.

Tuan Pengerusi: Atau di luar sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tiga perkataan, bukan termasuk "Malaysia".

Tuan Pengerusi: Baiklah. Cadangan dibuangkan perkataan "atau di luar" dalam Fasal 7 (1) (a). Minta kemukakan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana

menarik perhatian saya. Ini adalah satu kesilapan clerical dan saya mencadangkan bahawa Fasal 7 (1) (a) dipinda dengan memotong perkataan "atau di luar" selepas perkataan "di dalam" yang terdapat dalam Pasal 7 (1) (a). Sebab-sebab telah saya utarakan semalam dan saya tidak berhasrat untuk mengulangi apa yang saya telah perkatakan dan perlu bahawa wang-wang yang kita ada dalam Kumpulan Wang Amanah Nasional semua dilaburkan di dalam negara dan bukan di negara yang luar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak jawab?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya tidak mahu menjawab secara panjang lebar tetapi memadamkan saya mengatakan bahawa tidak sedikit mempunyai makna yang tertentu tentang cadangan Yang Berhormat dari Tanjong, dengan izin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak bercakap lagi berkenaan ini?

Tuan Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kenyataan Yang Berhormat tadi menunjukkan bahawa ia tidak menimbangkan perkara ini dengan sehabis matang. Kerana kekurangan matang ini, dia kata tidak bermakna.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya rasa tidak usahlah bercakap macam itu. Matang tidak matang, tinggi atau tidak tinggikah. Cukuplah perbincangan secara

Dr Tan Seng Giaw: Sebab kita hendak mengalakkan pelaburan di dalam negara ini. Tuan Pengerusi, maksud saya, kita hendak mengalakkan pelaburan di dalam negara ini bukan di luar negeri. Itulah maksud kami dalam Dewan yang mulia ini. Dia tidak faham maksud ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap sedikit. Sebenarnya saya

telah meneliti seluruh Rang Undang-undang dengan teliti dan oleh kerana itu saya faham akan seluruh Rang Undang-undang ini, kemungkinan saudara Yang Berhormat yang tidak faham.

Tuan Pengerusi: Ya, saya ingat cukuplah itu. Yang Berhormat dari Tanjong hendak pergi kepada 7 (1) (c).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya bercadang dengan memotong perkataan-perkataan "mana-mana negara asing yang menjadi anggota OECD, mana-mana institusi di mana sekuriti-sekuriti itu dijamin penuh oleh mana-mana negara yang menjadi anggota OECD, atau mana-mana institusi kewangan antarabangsa:" yang terdapat dalam Fasal 7 (1) (c) dan tujuannya sama dengan pindaan tadi dan dengan pindaan semalam dan sebab itu saya tidak perlu ulangi sebab-sebabnya.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, seperti saya katakan tadi, saya tersilap sedikit, saya minta maaf. Cadangan yang dimaksudkan ialah cadangan pindaan kepada 7 (1) (c). Jika seksyen ini dipotong mengikut cadangan yang telah dibuat bermakna ia tidak "congruent", dengan izin, dengan kelulusan yang kita buat semalam di mana kita telah menerima perkataan OECD itu sebagai satu daripada definasi dalam Seksyen 2. Kalau kita menerima cadangan pindaan ini, maka dia akan menimbulkan satu keadaan yang agak tidak congruent, dengan izin, dan kemungkinan besar akan menimbulkan satu Akta yang tidak begitu balanced dan tidak begitu intelligible. Sebenarnya saya ingin juga menarik perhatian kepada Standing Order yang ke 57 (3). Saya hendak satu ruling kalau diizinkan, supaya cadangan pindaan ini ditolak

terus, sebab mengikut order 57 (3), kalau sekiranya berlaku boleh saya baca, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Biar saya baca, tidak mengapa. Saya bersetuju. Nanti dia bercanggah dengan persetujuan yang telah diambil pada mulamulanya. Oleh yang demikian, saya tidak dapat menerima pindaan yang tersebut dalam 7 (1) (c). Yang Berhormat, 7 (/)?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan memotong Fasal-kecil 7 (1) (f).

Tuan Pengerusi, Fasal-kecil ini memberi kuasa kepada Kumpulan Wang Amanah Negara untuk menggunakan wangnya untuk memberi pinjaman kepada pihak-pihak berkuasa Kerajaan atau perbadanan-perbadanan awam dalam mana Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan disebabkan Kumpulan Wang Amanah Negara tidak harus bertindak sebagai, dengan izin, "Santa Claus" kepada pihak berkuasa atau perbadanan-perbadanan awam. Apabila kita kaji laporan terbaharu Ketua Audit Negara ke atas akaun Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1984, kita akan mendapati bahawa bukan sahaja telah berlaku kelewatan dan kegagalan dalam menjelaskan pinjaman-pinjaman Persekutuan di mana tunggakan-tunggakan bayaran ansuran ke atas pinjaman-pinjaman yang seharusnya dibayar kepada Kerajaan Persekutuan telah terus meningkat dalam tahun 1984.

Pada tahun 1984, bagi pinjaman-pinjaman yang harus dibayar oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Syarikat-syarikat Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain badan telah bertambah dari \$18.1 bilion kepada \$18.5 bilion berbanding dengan tahun sebelumnya.

Menurut laporan Akauntan Negara dalam tahun 1986 jumlah pinjaman Persekutuan yang telah diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat Kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain badan telah bertambah lanjut dan pada akhir tahun 1986 jumlah tersebut adalah sebanyak \$40.3 billion. Adalah amat tidak bijak sekiranya Kumpulan Wang Amanah Negara melibatkan diri dalam urusan meminjam wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat Kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain badan yang mana pinjaman-pinjaman sedemikian tidak dapat dibayar balik dengan wujudnya tunggakan-tunggakan yang besar yang pada akhirnya akan dihapuskan.

Kumpulan Wang Amanah Negara hanya patut memberi pinjaman-pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan mengikut, dengan izin, remunerative terms dan terpulung kepada Kerajaan Persekutuan untuk meminjam semula kemudahan pinjaman yang diperolehi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan. Dengan membuat demikian, Kumpulan Wang Amanah Negara akan elak daripada menghadapi masalah kegagalan dalam pembayaran balik pinjaman-pinjaman tersebut serta juga masalah-masalah pentadbiran yang terlibat dalam menyelia pembayaran balik pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh pelbagai badan-badan atau perbadanan-perbadanan Kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, izinkan saya

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih. Sebenarnya ucapan Yang Berhormat dari Tanjong

sebenarnya, confirm dengan izin, tujuan-tujuan Tabung ini. Oleh kerana itu, saya tak faham mengapa tujuan Yang Berhormat untuk meminda ataupun memotong terus Seksyen 7 (1) (f) ini. Oleh kerana itu, maka saya mensifatkan cadangan ini amat tidak bijak frivolous dan remeh, lack of simple wisdom.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya tak faham. Saya harap saya boleh faham bagaimana ini frivolous, bagaimana hujah-hujah saya mengconfirmkan tujuan-tujuan Kumpulan Wang Amanah Negara dan saya rasa bukan sahaja saya mahu faham, Dewan mahu faham, negara mahu faham. Bagaimana sebab-sebab yang saya kemukakan frivolous dan confirm tujuan Tabung ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menten boleh memberi penjelasan. Mungkin tidak begitu bijaksana.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, hari ini kita dapat banyak perkataan-perkataan bijaksana terlempar ke sana-sini. Dan dengan izin, saya yang tidak begitu bijak, saya ingin menerangkan sedikit bahawa di dalam ucapan Yang Berhormat dari Tanjong tadi mengatakan bahawa kita hendak mengelakkan supaya tidak berlaku kerugian jika diberi pinjaman-pinjaman kepada badan-badan yang telah disebut dalam Seksyen 7 (1) (f). Sebenarnya seksyen 7 (1) (f) berbunyi:

"(f) dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma yang menguntungkan Kumpulan Wang"

Oleh kerana itulah maka saya mengatakan bahawa ucapan Yang Berhormat dari Tanjong itu confirm, dengan izin, tujuan yang telah pun ditubuhkan Tabung ini. Menguntungkan, itulah perkataannya. Jadi, niat Yang Berhormat adalah untuk memberi satu penerangan supaya dapat pinjaman-pinjaman ini

ataupun pelaburan ini menguntungkan. Sebenarnya tertera dengan jelas "dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma yang menguntungkan".

Yang kedua, oleh kerana itulah maka daripada natural consequene, dengan izin, perbahasan Yang Berhormat dari Tanjong maka cadangan untuk meminda itu adalah disifatkan frivolous. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, bolehkah saya menjelaskan perkara ini?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tak faham peruntukan-peruntukan ini. Benarkan saya baca: "dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma yang menguntungkan Kumpulan Wang.". Benar—terma-terma yang menguntungkan Kumpulan Wang kepada mana-mana pihak berkuasa atau perbadanan awam yang Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalamnya atau, dengan izin, dalam bahasa Inggeris:

"(f) in loans, on terms remunerative to the Fund, to any public authority or corporation in which the Federal Government has an interest;"

Terma-terma, syarat-syarat menguntungkan kepada Tabung tetapi kalau tak bayar balik, apa terma-terma yang untung? Tak guna, bunga, interest boleh 100% tetapi tak bayar, apa guna bad debts (*lapuk*). Itulah kita elak daripada keadaan di mana Kumpulan Wang Amanah Negara mahu pergi cari, mahu melantik, dengan izin, a collector of debts daripada baik pun Kerajaan-kerajaan Negeri atau badan-badan berkanun. Sungguhpun terma untung, tetapi tak boleh dapat balik bayaran, apa guna?

Tadi saya ada sebut angka-angka \$40 billion yang dihutang oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, badan-badan berkanun kepada Kerajaan Persekutuan dan tak boleh bayar balik. Itulah saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengakui dia salah. Terma untung, baik, betul, tetapi kalau tak boleh dapat pembayaran semua pun rugi dan saya rasa kalau mahu pinjam—tujuan ialah pinjam kepada Kerajaan Negeri atau badan-badan tersebut baik. Kumpulan Wang pinjam kepada Kerajaan Persekutuan dan selepas itu Kerajaan Persekutuan boleh pinjam kepada apa-apa Kerajaan Negeri atau badan-badan yang mahu untung dengan terma yang untung itu tak apa, tetapi Kumpulan Wang boleh ada memegang satu benda di mana mahu Kerajaan Persekutuan bayar. Itulah saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tak faham. (*Tepuk*) Rang Undang-undang yang beliau bentang dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingat saya tidak mahu terlibat dalam verbal altercation di sini. Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan Yang Berhormat itu saya faham dan saya juga faham apa yang saya cakap tadi. Walau bagaimana, saya serahkan kepada Dewan yang mulia ini untuk meneliti dan melulus ataupun menotak cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Jadi, sekali lagi saya katakan tujuan Tabung ini tidak sedikit pun terlintas dalam fikiran Kerajaan untuk mencari kerugian.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Saya ingat cukup sudah. Perkara 7 (2), Yang Berhormat dari Tanjong. Baik. Hendak pergi kepada (*h*), (*i*) dahulu?

Dr Chen Man Hin: (*h*).

Tuan Pengerusi: Baiklah, kita perg kepada (*h*) dahulu. (*g*), (*h*), (*i*).

Tuan Lim Kit Siang: (*g*), (*h*), (*i*) Yang Berhormat dari Seremban.

Tuan Pengerusi: Ya, Yanj Berhormat dari Seremban.

4.17ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya mencadangkan membatalkan Fasal 7 (*g*), (*h*) dan (*i*).

Tuan Pengerusi, kami telah diberitahu bahawa Kumpulan Wan Amanah Negara adalah bertujuan untuk memastikan satu barisan kewangan yang kukuh untuk generas akan datang dengan mewujudkan Akta baru menggantikan sumber sumber alam yang kehabisan seperti petroleum, bijih timah, kayu bala) dan lain-lain. Pada pendapat say; Fasal 7 (*g*), (*h*) dan (*i*) dalam Akt; tersebut tidak akan menjamin pulangan yang produktif dan maka iti fasal ini memberi jalan keluar kepadj penyalahgunaan dan pengurusai kewangan yang tidak baik serta kerugian wang.

Tuan Pengerusi, Fasal 7 (*g*) menetapkan:"dalam pen dahuluan bagi maksud membantu pencarigalian dan pemajuan mineral mineral dan penanaman, pemprosesan atau pemasaran apa-apa keluaran utama kepada:

- (i) mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Persekutuan; dan
- (ii) mana-mana koperasi yang metibatkan diri dalam kerja perlombongan, perladangan pertanian, pekebunan atau perikanan;"

Seperti apa yang kita semua ketahui, pencarigalian dan pemajuan mineral-mineral adalah suatu

perniagaan yang merbahaya dan bukanlah suatu jenis pelaburan yang sesuai untuk Tabung Amanah seperti Kumpulan Wang Amanah Negara, Kumpulan Stok Amanah seperti blue-chip, dengan izin, dan bil-bil Perbendaharaan adalah bersesuaian, tetapi menggunakan wang dalam Tabung Amanah untuk perniagaan yang merbahaya bukan satu cara yang baik untuk menjamin masa depan generasi muda.

Menubuhkan koperasi untuk melibatkan diri untuk menjalankan perniagaan perladangan dan perikanan bukanlah satu langkah yang menyakinkan. Kadar tinggi dalam kegagalan koperasi telah menjadi satu faktor penghalang yang utama tidak juga disebut lagi tentang skandal koperasi pengambilan deposit yang baru itu.

Saya ingin mengingatkan Dewan ini bahawa berjuta-juta ringgit telah diperuntukkan untuk Off Budget Agencies, dengan izin, kecuali agensi-agensi seperti MAS dan LLN, telah mengalami kerugian yang teruk. Menggunakan wang dalam Tabung Amanah untuk koperasi atau badan-badan lain yang setaraf dengannya akan menyebabkan kegagalan Tabung Amanah. Bidang perniagaan koperasi dan pencari galian dan perlombongan patut dibiar dikendalikan oleh ahli-ahli perniagaan dan bukannya oleh Kumpulan Wang Amanah Negara. Ini juga adalah sejajar dengan konsep penswastan untuk membenarkan ahli-ahli perniagaan atau entrepreneurs menjalankan dan meneruskan syarikat-syarikat dan menghadapi risiko. Kumpulan Wang Amanah Negara patut melaburkan wang dalam, dengan izin, gilts, dan stok-stok yang menjamin pulangan yang menguntungkan.

Berkenaan dengan Fasal 7 (h) membenarkan pelaburan dalam logam-logam berharga termasuk

emas, perak, platinum dan paladium, melaburkan wang dalam komoditi seperti emas dan perak adalah lebih bertumpu kepada spekulasi daripada pelaburan sebenar. Ramai peniaga komoditi dalam emas dan perak telah mengalami kerugian yang hebat kerana melabur dalam komoditi tersebut. Emas dibeli dengan sangkaan murah dan dijual kemudiannya dengan harga yang lebih tinggi. Soalnya ialah sama ada harga belinya adalah cukup rendah atau cukup tinggi untuk mendapat keuntungan. Ini adalah spekulasi dan bukanlah satu jenis pelaburan yang sesuai untuk Kumpulan Wang Amanah Negara. Peniaga dalam komoditi masa depan, sama ada emas, perak atau platinum, risikonya adalah tinggi dan boleh merugikan berjuta-juta ringgit dalam masa sehari sahaja.

Ramai rakyat negara ini masih ingat kepada skandal MAMINCO. Usaha untuk mengawal pasaran bijih timah telah gagal dan ini telah menyebabkan kerugian sebanyak \$600 juta sampai 1 bilion ringgit. Gejala ini telah menimbulkan perselisihan dengan negara-negara jiran yang mengeluarkan bijih timah seperti Thailand dan Indonesia. Satu MAMINCO sudah mencukupi dan peristiwa yang sama tidak patut diulangi sekali lagi. Dengan membatalkan Fasal 7 (h) akan dapat menghapuskan keinginan untuk spekulasi dalam komoditi seperti emas, bijih timah atau platinum.

Berkenaan Fasal 7 (i) di mana membenarkan lain-lain cara pelaburan sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Menteri. Fasal ini memberi terlalu banyak kebebasan kepada Menteri Kewangan yang boleh memilih cara bagaimana wang di dalam Wang Kumpulan Amanah Negara boleh dilaburkan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dalam Parlimen.

Kami sekarang sedang berbincang tentang warisan kewangan untuk generasi muda dan kuasa membuat perkara ini adalah terletak di atas tangan seorang Menteri sahaja yang mengarahkan bagaimana wang tersebut patut digunakan. Benar, terdapat satu penal Pemegang Amanah tetapi seperti yang kita semua sedia maklum, Menteri mempunyai kata yang terakhir. Pengalaman yang lepas telah menunjukkan demikian. Tiga tahun yang lalu apabila Pasaran Saham berada pada taraf niaga yang terendah, Menteri Kewangan telah mengeluarkan satu directive kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan lain-lain badan berkanun untuk membuat pelaburan dalam pasaran saham itu. Berjuta-juta ringgit telah dimasukkan ke dalam pasaran saham ini dan harga saham telah naik sedikit. Pelaburan-pelaburan asing telah mengambil kesempatan ini untuk menjualkan saham-saham mereka dan saham-saham ini telah dibeli oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan lain-lam badan berkanun Kerajaan. Tidak lama kemudian pasaran saham telah jatuh sekali lagi. Dalam kejadian ini berjuta-juta ringgit telah hilang. Kumpulan Wang Amanah Negara adalah satu Tabung Amanah dan bukannya dikendalikan dengan sesukanya oleh seorang sahaja.

Oleh itu saya mencadangkan usul untuk membatalkan Pasal 7 (1) (g), (h) dan (i).

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.25 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan pindaan yang tadi telah dicadangkan oleh Wakil dari Seremban iaitu supaya Pasal 7 (1) (g), (h) dan (i) ini dibatalkan.

Saya menyokong pindaan yang dicadangkan oleh wakil dari Seremban, oleh kerana saya berpendapat bahawa kuasa Penal Kumpulan Wang Amanah Negara untuk melaburkan wang-wang dalam kredit KWAN ini sepatutnya dan semestinya dilakukan dengan berhati-hati. Saya tidak nampak apa-apa rasional mengapa penal patut melaburkan wang-wang dalam Kumpulan Wangnya secara menurut (g), iaitu secara pendahuluan bagi maksud membantu usaha-usaha dalam pencari galian pemajuan mineral-mineral dan penanaman, pemerosesan dan pemasaran apa-apa jenis keluaran utama kepada (i), mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Persekutuan dan (ii) mana-mana koperasi yang mehabatkan diri dalam kerja perlombongan, perladangan, pertanian, perkebunan atau perikanan.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, bahawa kalau hendak melaburkan wang dalam perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, terutamanya dalam projek-projek yang bersangkutan dengan mana-mana koperasi yang melibatkan diri dalam pertanian, perikanan, perladangan dan perkebunan adalah terlalu merbahaya dan akan mempunyai risiko yang tinggi yang boleh mengakibatkan kerugian. Lebih-lebih lagi perladangan, pertanian dan perikanan adalah bukan punca atau sumber yang semakin berkurangan. Seperti yang saya sebutkan dalam ucapan saya semasa membahaskan Rang Undang-undang ini, Kumpulan Wang Amanah Negara hendaklah digunakan terutamanya bagi Pembangunan sumber tenaga gantian bagi mengganti sumber-sumber semula jadi yang semakin berkurangan di negara kita seperti minyak dan kayu-balak.

Berkenaan dengan pindaan 7 (1) (i), saya juga menyokong pindaan yang telah dicadangkan oleh kerana saya

berpendapat bahawa adalah tidak wajar memberikan kuasa-kuasa dan budi bicara yang terlalu luas kepada seorang Menteri iaitu Menteri Kewangan. Jika kita meninjau kepada berbagai kepincangan yang berlaku pada masa lepas dalam Undang-undang yang sama iaitu seperti KWSP yang mana penal pelabur KWSP telah melaburkan wang dalam stok-stok bukan amanah seperti yang telah diberi kuasa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan ini juga telah disahkan sebagai haram oleh Ketua Odit Negara, maka apakah jaminan yang ada untuk memastikan penyelewengan atau kepincangan yang serupa tidak akan berlaku jika panel Kumpulan Wang Amanah Negara melaburkan wang-wang Kumpulan Wang—dan saya quote di sini—"sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Yang Berhormat Menteri".

Sebagai contoh apakah jaminan yang ada bahawa Fasal 7(1) (i) tidak akan dipakai ataupun tidak akan digunakan untuk menyelamatkan setengah-setengah institusi yang menghadapi masalah kewangan jika ianya dibenarkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri yang diperuntukkan di dalam 7 (1) (i) ini, saya berpendapat haruslah dihapuskan. Oleh yang demikian saya juga ingin menyokong pindaan yang telah dicadangkan tadi. Terima kasih.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, nanti sekejap beri Marang dahulu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya kurang setuju dengan cadangan untuk menghapuskan butir-butir 7 (g), (h) dan (i) dan alasan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang itu tidaklah logik

kerana dalatn bahagian (g) (ii) iaitu yang menyangsikan kepada soal perladangan dan pertanian, ianya agak bercanggah dengan apa yang telah diluluskan ataupun yang telah dipersetujui dalam 5 (1) (f) yang menyebut:

"5. (1) (f) apa-apa sumbangan sebagaimana yang dibuat oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa yang perniagaannya termasuklah penyelidikan atau pemajuan sesuatu sumber menyusut."

Jadi ini telah pun kita persetujui, maka kalau ini telah kita luiskan dan kita telah persetujui kemudian kita tidak bersetuju pula dalam bahagian 7 (1), (h) dan (i) sama sekali ia bertentangan dengan apa yang kita bincangkan dan sekali gus juga ia bertentangan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam point of order 57 (3) halaman 65 yang di antara lain menyebut:

"57. (3) Tidak boleh dicadangkan pindaan yang berlawanan maksudnya dengan sesuatu fasal yang telah disetujui atau dengan apa-apa ketetapan yang telah diambil oleh Jawatankuasa itu, dan pada bila-bila masa dalam perbincangan atas sesuatu pindaan yang dicadangkan, Pengerusi boleh menarik balik semua pindaan itu daripada ditimbangkan oleh Jawatankuasa,"

Saya nampak wujud satu percanggahan yang sangat jelas bilamana kita sudah terima sesuatu sumbangan wang-wang yang dikehendaki dibayar dalam Kumpulan Wang seperti yang dinyatakan dalam 5 (1) (f) itu. Kemudian dalam masa yang sama pula kita menolak seksen 7 (g), (h) dan (i) adalah satu perkara yang aneh, yang ganjil dan ini sudah semestinya satu seloka yang mesti kita tolak.

Tuan Pengerusi: Pada tikiran saya berkenaan dengan 5 (1) (f) itu ialah wang-wang yang dibayar ke dalam Kumpulan Wang ini, 7 itu ialah pelaburan yang dibuat oleh Kumpulan Wang—itu beza. Ya!

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Jangan panjang sangat, kita sudah menggunakan masa yang panjang dalam bil ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya menyentuh kepada pindaan yang dicadangkan mengenai Fasal 7 (1) (i) yang mana Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi hujah-hujah seperti berikut agar mempertahankan fasal ini semalam.

Fasal 7 (1) (i) di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan diberi kuasa untuk menentukan penggunaan wang itu untuk tujuan-tujuan pelaburan yang lain. Sebenarnya peruntukan ini adalah akhir sekali dalam senarai, order of importance, dengan izin. Di samping itu ia diadakan untuk mengambil kesempatan kemungkinan terdapat perubahan-perubahan dalam pasaran kewangan pada masa-masa akan datang. Peruntukan seperti ini juga memang selalu diadakan dalam Akta-akta untuk memberi kemudahan kepada Kerajaan dan mengelakkan ia perlu dipulangkan kepada Parlimen untuk perkara-perkara kecil dan sebagainya. Dengan lain kata Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam mempertahankan pendirian Kerajaan dengan hujah bahawa ini satu perkara kecil untuk memberi kemudahan flexibility untuk mengubahsuai tindakan Kerajaan mengikut perubahan pasaran kewangan contohnya. Kalau begitu saya bersetuju, tetapi apa yang berlaku dengan E.P.P. adalah sama yang mungkin dapat memberi semua satu ajaran. Akta K.W.S.P.

mempunyai satu fasal yang sama di akhir senarai juga mengenai pelaburan E.P.P.

Tuan Pengerusi, E.P.P. walaupun sedikit lain, tetapi sama dengan Kumpulan Wang Amanah ini oleh kerana kedua-dua wang itu tidak dapat dilaburkan dalam wang yang bukan amanah. Dalam prinsipnya Kumpulan Wang Amanah mesti dilaburkan dalam wang ataupun stock-stock amanah sahaja, ini satu prinsip. Tetapi di kes E.P.P. satu-satu peruntukan ini sebagaimana yang dibenarkan selain oleh Menteri telah digunakan supaya wang E.P.P. telah digunakan untuk melaburkan dalam stok-stok yang bukan amanah khususnya dalam beberapa kaunter di Kuala Lumpur Stock Exchange termasuklah Grand United Holding, Supreme Corporation, Pan-El Electric yang di akhirnya semuanya digantung oleh KLSE dan akibatnya orang-orang yang mencarum kepada wang ini rugi.

Saya ingin membuktikan bahawa walaupun dalam hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri ini satu clause kecil, tetapi ini dapat disalahgunakan dengan besar-besaran. Jika kita tidak ada satu pindaan supaya menghadkan had maksima wang yang dapat digunakan di bawah Fasal 7 (1) (i) tanpa pindaan yang sesuai, ini harus dibatalkan sama sekali, kalau tidak beratus-ratus juta, beribu-ribu juta ringgit akan rugi juga pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP.

Saya tidak ingin mengulas panjang lebar berkenaan dengan pendapat-pendapat daripada Yang Berhormat sebab semuanya berulang-ulang pada pokok yang sama juga dan oleh kerana

itu saya ingin hanya mengulas tentang tujuan 7 (1) (g) dan (h) itu adalah sebenarnya salah satu daripada tujuan daripada tabung ini ditubuhkan iaitu memberi pendahuluan kepada badan-badan yang boleh menjalankan siasatan membantui pencarigalian dan sebagainya.

Saya ingin memberi jawapan berkenaan dengan 7 (1) (i) dengan satu rangkap pepatah Melayu: "Jika kita memberi seseorang itu gajah, kita juga perlu memberi kuasanya."

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Tanjong berkenaan dengan 7 (2).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya bercadang dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan yang difikirkannya perlu terdapat dalam Fasal 7 (2), perkataan-perkataan berikut, "dengan syarat Menteri melaporkan kepada Parlimen di mesyuarat akan datang mengenai kebenaran seumpama itu diberikan serta terma atau syarat yang dikenakan". Tuan Pengerusi, sebenarnya ini ada bersangkut-paut dengan cadangan Yang Berhormat dari Seremban untuk memotong 7(1) (i) oleh kerana dalam meluluskan undang-undang yang begitu luas dengan kuasa budi-bicara sedemikian yang diberi untuk dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, kita hendaklah insaf akan bahaya kuasa-kuasa tersebut boleh disalahgunakan.

Semalam Yang Berhormat dari Ipoh dalam hujahnya ada kata, bahawa tidak ada seorang Menteri yang sekarang ini nampaknya terlibat dalam beberapa situasi bercanggah kepentingan berkait dengan berbagai keputusan dan tindakan kewangan dan ekonomi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi ada mengatakan bahawa mungkin besok ada seorang Menteri Kewangan yang baru dan kita

hendaklah mengganggu Menteri Kewangan sebagai satu jawatan dan institusi dan bukan sebagai seorang yang mengisi jawatan tersebut sekarang.

Dengan hormatnya saya mahu memberi pandangan bahawa inilah lebih mustahak dan menunjukkan bahawa apabila kita bincang perenggan-perenggan ini dan di mana kita beri kuasa yang begitu besar kita perlu melihat Menteri Kewangan dari segi institusi dan dari segi perseorangan oleh kerana kita hendaklah memikirkan akan consequence sekiranya kuasa budi bicara disalahgunakan baik pun untuk kepentingan parti politik, atau peribadi.

Apabila wujudnya contoh-contoh seperti sekarang mengenai penyalahgunaan kuasa maka adalah menjadi lebih penting untuk Dewan yang mulia ini memikirkan sama ada kuasa-kuasa budi bicara dan begitu luas terus diberikan dalam undang-undang baru yang diluluskan oleh Dewan ini atau sama ada kita harus hentikan perbuatan memberi kuasa-kuasa budi bicara tanpa sebarang sekatan kepada Menteri sehingga Parlimen boleh diyakinkan bahawa bahaya sebenar dan hakiki tentang penyalahgunaan dan penciptaan situasi percanggahan kepentingan telah kurang sehingga menjadi satu kemungkinan hypothetical sahaja semata-mata dan bukan satu realiti.

Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang nampaknya terlibat dalam situasi percanggahan kepentingan dalam kedua-dua urusanniaga berkait dengan saham UMBC, KWSP, MAKUASA, Kumpulan PEREMBA dan Bank of Commerce atau secara terus terang cadangan yang dibuat ini berkait dengan Fasal 7 (1) (i) bertujuan sebenarnya untuk membuatkan pelaburan-pelaburan yang tidak

disebut dalam Rang Undang-undang ini adalah dikawal. Sebab itu saya ada cadangan bahawa pada bila-bila masa Menteri Kewangan memberi kebenaran sedemikian perkara ini harus dilaporkan kepada Parlimen dalam mesyuarat akan datang supaya ia akan menjadi satu peringatan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa setiap tindakan itu akan tertakluk kepada pemeriksaan Parlimen dan orang ramai. Ini juga akan menghendaki Menteri Kewangan mengikut jalan yang terus dan lurus mengikut lunas-lunas undang-undang dan kewajaran.

Sebenarnya saya mahu cadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memikir untuk meminda kepada beliau mahu menolak pindaan Fasal 7 (1) (i) bahawa menetapkan bahawa kebenaran yang diberi ialah secara bertulis. Tujuan ini adalah untuk memastikan bahawa tidak akan berlakunya apa-apa pelaburan yang tidak dibenarkan dilaburkan dalam Kumpulan Wang Amanah Negara yang kemudiannya dijustify, dijadikan atas alasan terdapat kebenaran secara lisan daripada Menteri Kewangan. Saya bangkitkan isu ini bukan kerana saya ini terlalu kreatif atau imaginatif untuk memikirkan scenario-scenario yang bukan-bukan tetapi perkara seumpama ini telah berlaku dengan penggunaan kuasa-kuasa budi bicara yang ada kepada Menteri Kewangan dalam hal pelaburan wang awam.

Saya beri satu contoh bahawa mengikut Laporan dan Akaun KWSP tahun 1985 kira-kira KWSP telah melanggar seksyen 42 Akta KWSP tahun 1951 dengan melabur "sebanyak \$50.79 juta dalam saham-saham bukan amanah daripada mana sebanyak

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat bercakap-berkenaan dengan dasar sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, saya beri satu contoh.

Tuan Pengerusi: Contoh Yang Berhormat beri tadi pun contoh. Pendekkan sedikit'.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan habiskan, saya tahu kita pun mahu berhari raya. Dalam saham-saham bukan amanah dan itulah mustahak dan ini patut kita taham oleh kerana ada satu kes yang berlaku sungguh pun tidak ada satu kelulusan yang diberi tetapi ada laporan dibuat dan kemudiannya ada dipertahankan bahawa kelulusan ada diberi secara lisan untuk melabur \$18.8 juta dalam saham-saham bukan amanah seperti Boustead Co. Sdn. Bhd., FACB, Fabar Merlin, Amalgamated Steel Mill, Federal Cables, Tenju Factory, Pilecorn, Metroplex, Hongkong Tin, British American dan lain-lain. Point yang mustahak ialah bahawa kita mahu satu kelulusan yang mahu diberikan bertulis dan supaya selepas itu tidak akan timbul sekali di mana apa-apa pelaburan yang tidak sah dibangkitkan ada satu justifikasi bahawa ada kelulusan ialah lisan retrospective untuk mengesahkan apa yang haram yang berlaku dalam EPF. Itu tidak mahu berlaku dalam Kumpulan Wang Amanah ini dan sebab itu pindaan kepada Fasal 7 (1) (i) dan pindaan 7 (2) ada berkait dan mustahak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat daripada Tanjong bercakap berkenaan dengan dua Fasal sekali: satu berkenaan Fasal 7 (2) saya ingat beliau juga hendak bercakap berkenaan dengan arahan bertulis dan sebagainya. Walau bagaimanapun saya hanya ingin mengatakan bahawa apa sahaja yang akan dicakapkan pada hari ini akan dibangkitkan oleh pihak Pembangkang. Walau bagaimanapun,

saya ingat Seksyen 7 (2) adalah a natural consequence, dengan izin, daripada 7 (1). Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masatahnya ialah pindaan-pindaan yang dibuat, dengan memotong perkataan-perkataan "atau di luar" selepas perkataan "di dalam" yang tersebut dalam Fasal 7 (1) (a) dengan memotong Fasal-kecil 7 (f); dengan memotong Pasal 7 (g), (h) dan (i) dan dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "yang difikirkannya perlu" yang terdapat di dalam Fasal 7 (2) perkataan perkataan berikut, "dengan syarat Menteri melaporkan kepada Parlimen di dalam mesyuarat akan datangnya mengenai kebenaran seumpama itu yang diberikan dengan terma atau syarat yang dikenakan" hendaklah dipersetujukan.

Pindaan-pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 7—

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi,

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak bangun pasal apa?

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Point of order.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Saya hendak bangkitkan 57 (4) (b).

Tuan Pengerusi: Sekarang iatah pindaan yang telah saya kemukakan tadi telah habis, yang akan datang kita membincangkan perkara 7 berkenaan dengan pindaan-pindaan. Yang

Berhormat bangun itu bukan masa dia. Sila Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tadi ketinggalan zaman. Dalam Bahagian (4) dan (3), Fasal 7 ini masing-masing dikatakan bahawa pelaburan yang disebut dalam 7 (1) (e) kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri tidak boleh melebihi 5% daripada aset boleh lupus Kumpulan Wang 7 (1) (f) pinjaman kepada pihak berkuasa atau perbadanan awam dan (g) pendahuluan bagi maksud membantui pencarigalian dan pemajuan minerals dan sebagainya, tidak boleh melebihi 20% daripada aset boleh lupus Kumpulan Wang pada bila-bila masa.

Tuan Pengerusi, sepatutnya sub-seksyen 7 (1) (e) dan (f) harus digolongkan bersama dan dihadkan kepada tidak melebihi 5% daripada aset boleh lupus Kumpulan Wang manakala usaha membantu pencarigalian pemajuan mineral pemerosesan penanaman atau pemasaran keluaran utama sektor perlombongan, perladangan, pertanian, perkebunan atau perikanan harus diberi had maksimum yang lebih besar iaitu 20% daripada aset lupus Kumpulan Wang.

Tuan Pengerusi, ianya satu kenyataan bahawa di Malaysia penyelidikan dan dalam darjat yang lebih kecil pemasaran keluaran utama jarang dilaksanakan oleh sektor swasta disebabkan oleh kekurangan pembiayaan kewangan. Di sebelah pihak yang lain Kerajaan Pusat, Kerajaan-kerajaan Negeri

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di atas dasar itu.

Dr Tan Seng Giaw: Bukan.

Tuan Pengerusi: Di atas dasar itu. (*Disampuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, siapa yang mempengerusikan sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Saya, dan saya minta bercakap di atas butir-butir.

Dr Tan Seng Giaw: Di sini saya hendak butiran (e) (f) Pasal 7 (1) digolongkan bersama dan dihadkan kepada tidak melebihi 5% daripada aset boleh lupus Kumpulan Wang. Itu yang pentingnya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri hendak menjawab?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, saya tidak ada apa-apa ulasan tentang pandangan Yang Berhormat dari Kepong tadi. Memadailah saya mengatakan bahawa kita sekali lagi boleh berbincang Fasal 7 sekali gus dengan cadangan-cadangan yang telah dibuat.

Fasal 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 9—

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Fasal 9 (1) dipinda dengan memasukkan perkataan "bertulis" selepas perkataan "arahan" yang terdapat dalam fasal kecil tersebut.

Tuan Pengerusi sudah naik ke atas, saya ucapkan "Selamat Deepavali".

Tuan Pengerusi Tuan D. P. Vijandran): Terima kasih, Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana esok kita tidak boleh jumpa, sekarang saya mengucapkan Selamat Deepavali.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Boleh jumpa, kalau hendak.

Tuan Lim Kit Siang: Outstation. Tuan Pengerusi, sebab sebenarnya saya menyebut apabila saya kemukakan pindaan saya kepada Fasal 7 (2) bahawa perlu arahan atau kelulusan diberi secara bertulis dan bukan dibenarkan, ini ditinggalkan di mana loophole, ini dengan izin, boleh digunakan untuk mengesahkan perbuatan yang tidak sah yang tadi saya ada menyebut mengenai satu contoh di mana dalam kewangan Kumpulan Wang EPF di mana pelaburan-pelaburan untuk stok-stok bukan amanah baik pun oleh Panel Pelaburan KWSP untuk \$18 juta atau oleh Pengurus-pengurus portfolio KWSP untuk \$32 juta ada dibuat tanpa kelulusan dan apabila perkara ini dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara sebabnya ialah bahawa alasan ada diberi tetapi oral dan retrospective. Ini kita tidak mahu berlaku tangsung oleh kerana ini akan menjadi satu topeng untuk semua perkara-perkara yang tidak sah dan haram. Dengan itu pindaan ini dikemukakan dengan tujuan bersama dengan yang tadi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalah ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, saya tidak ingin mengulas panjang lebar, hanya saya hendak mengatakan dalam pepatah Melayu ada berkata: "Sudah gaharu cendana pula".

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan- Menteri

memberitahu, mengapakah arahan itu sepatutnya tidak dikeluarkan secara bertulis dan mengapakah arahan itu hanya dikeluarkan secara lisan ataupun bukan secara bertulis. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri justify, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, saya telah mengatakan tadi saya tidak ingin mengulas panjang. Perkataan bertulis, "sudah pun gaharu cendana pula".

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya inginkan jawapan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan P. Patto: Sebab saya ingin hendak menanyakan sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab dalam Parlimen untuk menjelaskan mengapa ia harus tidak dibuat secara bertulis, itu sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya faham soalan itu. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun faham, itu jawapan daripada Timbalan Menteri kita. Terima sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, pindaan itu saya tidak boleh bahaslah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan seperti berikut: Pasal 9 (1) dipinda dengan memasukkan perkataan "bertulis" selepas perkataan "arahan" yang terdapat dalam fasal kecil tersebut.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tidak boleh bahas lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kalau hendak bahas, bangun. Yang Berhormat patut bangun sebelum saya kata "menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang". Kalau Yang Berhormat tidak bangun, tidak boleh bahas.

Dr Tan Seng Giaw: Bukan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya faham. Mula-mula kita bahas pindaan. Selepas bahas itu, kalau hendak bahas lagi, patut bangun. Kalau tidak bangun, tidak boleh bahas.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat.

Fasal 10 hingga 15—

Dr Tan Seng Giaw: Pasal 11 (2) dan (3), Tuan Pengerusi, akaun dan audit. Satu tempoh masa 3 bulan ditetapkan untuk panel mengaudit akaun-akaunnya, manakala penyata akaun serta pemerhatian oleh Ketua Audit Negara perlu dikemukakan kepada Menteri Kewangan pada akhir setiap tahun kewangan sebaik sahaja akaun diaudit.

Tuan Pengerusi, Kerajaan juga patut mengenakan dengan atau hukuman yang tegas ke atas kelewatan penyerahan atau kegagalan untuk menyerahkan akaun-akaun untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara. Syarat ini sepatutnya dimasukkan tanpa keperluan untuk mengingati Kerajaan kerana ianya satu kenyataan bahawa akaun-akaun Kerajaan bukan sahaja tidak diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tepat pada waktunya akan tetapi juga seringkali

tidak mempunyai rekod-rekod keluar dan masuk wang yang tidak dirakam dengan baik yang tidak boleh disokong dengan apa-apa dokumen dan kadangkala rekod-rekodnya juga dilaporkan hilang.

Tuan Pengerusi, Ketua Audit Negara Tan Sri Ishak Tadin telah mengumumkan lewat bulan yang lalu bahawa lebih daripada 200 buah perbadanan Kerajaan Tempatan masih belum menyerahkan akaun-akaun mereka untuk diaudit sejak tahun 1975.

Tuan Zubir bin Embong: Saya kira apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of order berapa Yang Berhormat?

Tuan Zubir bin Embong: Itu perkara dasar dan ini point of order umum. Satu ruling daripada Tuan Pengerusi tadi telah buat bahawa dia tidak boleh bercakap atas perkara-perkara dasar. Apa yang telah dituturkan oleh Yang Berhormat dari Kepong ialah perkara-perkara dasar. Dia mesti bercakap atas butiran perkara-perkara itu. Disebut Auditor-General ini pada dia, ini perkara dasar. Kalau tidak tahu kata tidak tahu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong, 55 (2) ada.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Baik Yang Berhormat, jangan sentuh dasar.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya sentuh Fasal 11 (2) dan (3) akaun dan audit dan Ketua Audit Negara yang terbesar di negara ini untuk mengaudit semua akaun, jadi yang Berhormat dari Kuala Terengganu itu celopar mulutnya sahaja.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Pengerusi, kalau kalah itu kalahlah jangan cakap banyak. Fasal dia kalah, Tuan Pengerusi, dalam pertandingan DAP Selangor.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran) Yang Berhormat

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, baik kita menasihatkan celopar mulut Yang Berhormat dari Kuala Terengganu ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Kepong, sila teruskan dengan ucapan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bekas Ketua Audit Negara pula berkata bahawa negara kita mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk menghukum mereka yang lewat atau langsung gagal untuk menyerah akaun-akaun mereka untuk diaudit oleh pihak Ketua Audit Negara. Undang-undang itu boleh didapati dalam Akta Kerajaan Tempatan 1975 dan Akta Audit 1957.

Tuan Pengerusi, kelemahan atau kekurangan keberkesanan undang-undang ini dalam usaha untuk mengatasi kelewatan atau kegagalan untuk menyerah akaun-akaun untuk diaudit oleh perbadanan Kerajaan adalah disebabkan Kerajaan sendiri tidak melaksanakan dengan tegas undang-undang tersebut. Dalam aspek ini

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Point of order 55 (2) sebut, "Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang selepas bacaan kali yang kedua tidak boleh membahaskan dasar Rang Undang-undang tersebut tetapi hanya butir-butir sahaja". (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya bersetuju, Yang Berhormat. Yang Berhormat hadkan kepada Fasal 11.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, inipun hadkan kepada akaun dan audit sahaja. Saya cuma hendak membentangkan di sini.....

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa itu dasar, Yang Berhormat, jangan.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi, Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Kerajaan Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi jaminan bahawa segala audit dan akaun itu dikemukakan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah habis, Yang Berhormat dari Kepong?

Dr Tan Seng Giaw: Sudah habis, cuma dapat jaminan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang selalu kaburkan kenyataannya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong yang sentiasa mengaburkan Dewan ini. Saya baca sekali lagi kalau Tuan Pengerusi izinkan saya baca kepada Yang Berhormat

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong telah habis ucapan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Fasal 12? Fasal 13 ada pindaan?

5.03 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadang bahawa masukkan perkataan-perkataan berikut selepas perkataan "Majlis Parlimen" "dalam tempoh satu bulan selepas menerima Akaun Teraudit dan Laporan Tahunan."

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mendakwa bahawa Fasal 12 dan Fasal 13 yang memerlukan akaun-akaun tahunan yang diaudit serta laporan-laporan tahunan Kumpulan Wang Amanah Negara dibentangkan di dalam Parlimen adalah cukup bukti tentang pertanggungjawapan Parlimen. Saya tidak bersetuju dan sebab itu ada pindaan di hadapan Dewan yang mulia ini. Pertanggungjawapan Parlimen seumpama itu hendaklah bermakna dan berkesan sekiranya Parlimen ingin memainkan peranan untuk mengawal pengurusan Kumpulan Wang Amanah Negara. Kita mempunyai banyak contoh-contoh di mana laporan-laporan yang mengikut undang-undang harus dibentang dalam Parlimen, hanya dibentang 10 tahun kemudian yang menjadikan laporan-laporan tersebut tidak relevant dan tidak bermakna sama sekali.

Inilah sebabnya mengapa saya mencadangkan pindaan ini yang memerlukan laporan-laporan dan akaun-akaun tersebut dibentang di dalam Dewan ini dalam tempoh sebulan selepas ianya diterima oleh Menteri. Ini oleh kerana ada laporan-laporan dan akaun-akaun yang teraudit yang menunjukkan bahawa ada teguran-teguran yang tidak begitu manis, kelewatan untuk pembentangan laporan itu kepada Dewan bolehlah meniadakan peranan Parlimen untuk memainkan fungsi penyeliaan.

Dalam pada ini, hujah Yang Berhormat dari Pasir Mas semalam bahawa peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Pasal 12 dan 13 merupakan peruntukan-peruntukan yang cukup untuk mengadakan kawalan Parlimen ke atas Kumpulan Wang Amanah Negara dan disebabkan itu tidak ada perlunya atau sebabnya mengapa patut ada satu cadangan, ada satu Jawatankuasa Pilihan mengenai Kumpulan Wang

Amanah Negara ditubuhkan menunjukkan bahawa beliau tidak memahami proses Parlimen. Sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai Kumpulan Wang Amanah Negara akan dapat memanggil para pentadbir dan pengurus, malah Ahli-ahli Panel Kumpulan Wang Amanah Negara untuk menuntut lebih banyak lagi maklumat daripada mereka berbanding dengan maklumat-maklumat yang begitu tidak mendalam yang akan terdapat dalam laporan-laporan dan akaun-akaun tersebut

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, point of order. Semalam kita telah tolak satu permintaan daripada Yang Berhormat untuk menubuhkan satu Select Committee. Hari ini Yang Berhormat bercakap pula berkenaan dengan Select Committee yang telah pun ditolak. Jadi, kita minta kalau boleh Yang Berhormat menentukan perbincangan kepada perkataan-perkataan yang dicadangkan untuk dipinda sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sebut sahaja oleh kerana orang yang mahu tunjuk dia pandai bahawa tak perlu ada Jawatankuasa oleh kerana peruntukan ini sudah cukup dan saya mahu menunjuk tak cukup, kenapa takut mendengar hujah-hujah? (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Dan itu sahaja, pihak Jawatankuasa tidak cukup kuasa untuk menyiasat dengan dalam perkara-perkara mengenai ekses-ekses dan salahguna kuasa dalam apa-apa bidang.

Tuan Zubir bin Embong: Point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Apa order?

Tuan Zubir bin Embong: Duduk dahulu, ini point of order 55 (2).

Tuan Lim Kit Siang: Apa order? Dia mahu tunjuk apa point of order?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong

Tuan Zubir bin Embong: Yang Berhormat dari Tanjong, saya bangun buat point of order, you duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Semangat Deepavali, saya duduk.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, apa point of order?

Tuan Zubir bin Embong: 55 (2), "Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang selepas bacaan kali yang kedua tidak botech membahaskan dasar Rang Undang-undang tersebut tetapi hanya butir-butirnya sahaja".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 55 (2)? Nombor berapa, Yang Berhormat?

Tuan Zubir bin Embong: 55 (2), muka surat 63, jelas apa yang dibahaskan oleh Ketua Pembangkang tadi ialah dasar. Dia tak fahamkah dasar dengan butir-butir?

Tuan P. Patto: Yalah, awak itu pandai sangat. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh, jangan buat begitu.

Tuan P. Patto: Memang dia pandai.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: Saya tak bercakap dengan kamu, saya bercakap dengan Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh, duduk!

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, janganlah kata "kamu"

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh, duduk! Yang Berhormat dari Arau, duduk! Dua-dua orang duduk! Sudahi, Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Jadi, oleh kerana Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Tanjong bercakap, dia mungkin tidak faham mana dia butir dan mana dia dasar, walaupun dia sudah lama jadi Ahli Dewan Rakyat ini dia tak taham. Jadi, saya minta supaya dia hadkan percakapannya kepada butir-butir sahaja, bukan kepada dasar. Kalau hendak bercakap kepada dasar dalam Parlimen, bukan dalam Majlis. Sekarang ini kita sedang berbincang dalam Majlis—ayat-ayatnya itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudah?

Tuan Zubir bin Embong: "Happy Deepavali", Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya ada dua ayat sahaja. Kalau mahu terus bertengkar boleh lagi setengah jam pun boleh, dua ayat sahaja.

Tuan Pengerusi, juga Jawatankuasa tersebut boleh menuntut maklumat yang lebih mengenai penyalahgunaan dan excesses salah pengurusan dan lain-lain kepincangan yang akan timbul. Laporan-laporan dan akaun-akaun boleh menemuikan dan tidak akan mendedahkan atau dengan izin, boleh conceal dan bukan reveal kebenaran dan inilah sebabnya mengapa sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen harus ditubuhkan untuk menyiasat lebih lanjut lagi ke dalam laporan dan akaun-akaun tersebut untuk mencari kebenaran. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.09ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih dan Fasal 13 ini sudah pun kita dengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat dari Tanjong. Dua perkara yang dibangkitkan, satu ialah supaya laporan akaun yang telah diaudit sesudah diterima oleh Yang Berhormat Menteri dibentang dalam Parlimen dalam tempoh satu bulan.

Kedua, mengenai dengan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen. Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, bahawa Yang Berhormat dari Tanjong dalam hujahnya yang bertindih-tindih, dan menampakkan bahawa sikapnya yang sudah defensif dari segi mempertahankan cadangan-cadangannya itu. Walaupun disebut dalam perbincangan semalam, disebutkannya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tidak memahami peraturan Parlimen, sekali lagi menggambarkan tentang kewibawaan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, lebih baik Ahli Yang Berhormat pergi

kepada Fasal 13 dan pindaan yang kita bahaskan sekarang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, ini Pasal 13, tepi-tepi kena lalu juga.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, jangan. Teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Penegasan dalam Fasal 13 ini sudah nyata hahawa akaun teraudit akan dibentangkan dalam Parlimen. Jadi keputusan meletakkan Fasal 13 ini sudah pun jelas bahawa akaun-akaun dan laporan ini akan dibentangkan dalam Parlimen. Soal bilakah akaun akan dibentangkan, saya percaya itu terpulang kepada pihak Juru Audit dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Apakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyerang pegawai-pegawai Kerajaan? Sya percaya apabila ianya siap, tidak ada mana-mana pihak atau Menteri pun hendak berlengah-lengah untuk membentangkan laporan itu dalam Dewan Rakyat ini.

Jadi saya kira, Tuan Pengerusi, cadangannya itu adalah cadangan yang benar-benar defensif, yang tidak mempunyai hujah lagi untuk dipertahankan. Manakala dengan Jawatankuasa Pilihan Parlimen.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, tak payah perkara itu disentuh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali Sebab itu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sudah sebutkan tadi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, itu bukan dibangkitkan sebagai satu isu, dia sebutkan sahaja, tidak berhujah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab saya ini orang yang tahu disiplin, saya patuh kepada keputusan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, terima kasih.

Seorang Ahli: Duduk! duduk!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Nanti, belum habis lagi. Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu sibuk buat apa, Tuan Pengerusi. Dahulu pun dalam Parlimen ini saya tanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong sihat atau tak sihat? Kalau tak sihat, saya ada Panadol.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tak ada apa lagi, Tuan Pengerusi, itu sahaja. *(Ketawa)*

Tuan Mohd. Zihim bin Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, semalam Timbalan Menteri berkata apabila kita mengundi Rang Undang-undang ini, mereka semua tak setuju, 23 orang tak bersetuju, tetapi apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, mereka sibuk, buang masa rakyat dan pengundi-pengundi mereka. Jadi, saya cadangkan kepada Tuan Pengerusi, kita terus undi, biar lulus cepat. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kepong, ringkaskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak ringkaskan kerana itu kekacauan daripada pihak, terutama Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas yang menjadi membuta tuli, perajuk dan merambang—bukan main.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, point of order. Saya minta tarik balik. Ini memang jenis "topek" Kelantan. Topek Kelantan, memang bahasa inilah digunakan. Apakah itu pelacur, tak cukupkah dengan bahasa yang biadab dalam Dewan yang mulia ini. Kurang ajar! *(Disampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, kedua-dua, duduk! Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Kepong duduk juga. Semua orang duduk!

Pindaan Fasal 13, ada ahli yang hendak membahaskan?

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, tarik balik perkataan "kurang ajar".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, sudahlah. (*Disampuk*) Teruskan, kedua-dua hendaklah tarik balik.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tak melanggar peraturan, perkataan "membuta tuli" bukan apa-apa, a reckless person.

Tuan Pengerusi Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, tidak boleh. Perkataan itu tak payah dibuat. Kedua-dua orang mesti tarik balik.

Tuan Lau Dak Kee: Ahti Yang Berhormat dari Pasir Mas, tarik balik "kurang ajar".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, saya kata kedua-dua orang tarik balik perkataan-perkataan tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tak boleh tarik balik, oleh kerana perkataan "membuta tuli" itu adalah "a reckless person".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, tidak boleh. Saya sudah kata tarik, tarik balik. Sudahlah. Ahli Yang Berhormat dari Kepong tarik balik dahulu, tarik balik perkataan itu. Selepas itu

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu bukan satu perkataan yang biadab.

Tuan Shahidan bin Kassim: Perkataan "Pembuta tuli" biadab.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, dari Arau, duduk! Saya telah membuat keputusan, kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat tarik balik. Ahli Yang Berhormat dari Kepong tarik balik perkataan itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu bukan perkataan yang biadab, bukan perkataan yang biadab. Tuan Pengerusi, saya membantah perkataan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas itu biadab.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, jangan bertengkar. Saya minta Ahli Yang Berhormat, sila tarik balik. Selepas itu, saya akan minta Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tarik balik. Ahli Yang Berhormat dari Kepong, silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, perkataan "pembuta tuli" bukan biadab, sungguh bukan biadab.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, saya sudah buat satu keputusan, Ahli Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tak bolehlah tarik balik.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Oleh kerana jaminan Tuan Pengerusi, hendak ambil tindakan, saya tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, tarik balik.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya, sudah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, tarik balik. Tarik balik dengan tidak ada syarat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tarik balik apa?

Tuan Pengerusi (Tuan O. P. Vijandran): Perkataan "kurang ajar".

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tarik balik perkataan "kurang ajar".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Terima kasih. Ahli Yang Berhormat dari Kepong, tarik balik.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, duduk! Jangan buang masa.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tak boleh tarik balik, kerana itu perkataan tidak biadab.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, kalau Ahli Yang Berhormat tidak tarik balik, saya terpaksa keluarkan Ahli Yang Berhormat dari Dewan ini. *(Tepuk)*

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, duduk sekejap!

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, saya hendak selesaikan perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, ya, mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, tak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, atas perkara ini saya mahu tanya, adakah perkataan yang dalam kontroversi ada dalam senarai "unparliamentary"?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, tidak bermakna kalau tidak ada dalam

senarai boleh digunakan di sini. Ada banyak perkataan yang tidak ada dalam senarai yang kita tidak boleh gunakan di dalam Parlimen ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Tuan Pengerusi dengan senang-senang menggulungkan apa-apa perkataan dalam "unparliamentary term"?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, duduk! Perkara ini senang sahaja. Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sila tarik balik.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tidak akan tarik balik, kerana perkataan "membuta tuli" itu ertinya "a reckless person", bukan satu perkataan "unparliamentary". *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan di sini sama ada sesuatu perkataan itu biadab atau tidak, dalam suasana yang ada di dalam Dewan ini, itu terpulanglah kepada saya dan keputusan yang saya buat. Walaupun Yang Berhormat tidak bersetuju dengan keputusan itu, Yang Berhormat mesti patuhi. Kalau tidak, saya akan ambil tindakan. Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sila tarik balik.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bentara, sila keluarkan Yang Berhormat dari Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: Suruh dia keluar di bawah Peraturan Mesyuarat berapa? Patut sebut dulu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan Mesyuarat 44. Yang Berhormat dari Kepong, sila keluar. *(Tepuk)*

(Bentara mengiringi Ahli dari Kepong keluar Dewan).

Beberapa Orang Ahli: Boo!

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. - P. Vijandran): Jangan

Tuan Lau Dak Kee: Sebab dia sentuh mengenai teaslbility, tidak ada kena mengena

Seorang Ahli: Kerbau! Kerbau!

Tuan Lau Dak Kee: Bangunlah kalau hendak cakap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36 (4) saya ada dengar perkataan "Kerbau" tadi. Adalah salah pada Peraturan Mesyuarat

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, tidak apa, Duduk. Sudah ada banyak perkara tadi. Duduk, Yang Berhormat!

Tuan Shahidan bin Kassim: Bahaya ini.

Beberapa Orang Ahli: Duduk! Duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak apalah, kerbau ramai! (*Ketawa*)

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, saya minta supaya Tuan Pengerusi membenarkan supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan Rang Undang-undang ini diteruskan perbahasannya. Dan saya ingin meneruskan jikalau diizinkan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada siapa lagi yang hendak bercakap di atas pindaan? Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya ingin membawa Tuan Pengerusi kepada Standing Order 57 (4) (b), di antara lain berbunyi:

"57. (4) Pengerusi boleh enggan mengemukakan sesuatu pindaan itu kepada Mesyuarat jika pada fikirannya pindaan itu—
(b) sia-sia."

Jadi, saya dapati bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Seksyen 13 iaitu berbunyi:

"dalam tempoh satu bulan selepas menerima akaun Juru Audit dan Laporan Tahunan",

adalah sia-sia sebab sudah ada clause yang lain yang sudah mempunyai guarantee yang tertentu. Terima kasih. Saya minta Tuan Pengerusi membuat satu ruling.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya tidak setuju. Ini bukan sia-sia.

Ahli-ahli: Boo!

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Menteri boleh menjawab kalau hendak.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum dia jawab, saya hendak bercakap lagi. Di bawah Peraturan, saya boleh bercakap lebih satu kali. Satu point sahaja saya mahu utarakan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada perbincangan Yang Berhormat. Tidak ada siapa pun yang bahas.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Tetapi kalau tidak ada orang yang mahu berbahas, saya boleh teruskan sekali lagi. Empat kali pun boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat, dengan ringkas.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa pindaan ini sia-sia. Ini supaya

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap

Tuan Lim Kit Siang: Itu pandangan saya

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ketua Pembangkang bercakap, berhentilah orang lainlah pula.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada sebab mahu takut.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ada banyak hendak cakap ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of orderkah atau apa Yang Berhormat!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Bukan, saya hendak bincang yang Ketua Pembangkang Parlimen bercakap ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat, bukan masanya ini. Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu menegaskan bahawa pindaan ini mustahak. Oleh kerana kita mahu satu peruntukan yang bermakna dan berkesan. Tadi saya ada sebut bahawa kita ada kes-kes di mana laporan mengikut statut patut dibentangkan di Dewan yang mulia ini iaitu dibentangkan selepas 10 tahun. Dan sebab itu ini yang mustahak. Ini bukan sia-sia. Seorang yang menganggap ini sia-sia, jawatannya sia-sia. Dan saya haraplah bahawa dalam Parlimen ini kita serius dalam perkara ini. Ini mustahak.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa hendak Yang Berhormat?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak bahas tentang cadangan Ketua Pembangkang Parlimen ini. Mengenai Fasal 13 ini. Saya hendak suruh jadi serius iaitu ada cadangan mengatakan selepas perkataan "Majlis Parlimen" ditambahkan "dalam tempoh satu bulan selepas menerima akaun Juru Audit dan Laporan Tahunan."

Saya menganggap cadangan itu adalah tidak perlu kerana kalau kita baca dalam Seksyen 13, Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan akaun teraudit Tahunan di bawah seksyen 11.

Seksyen 11 pula ada mengatakan iaitu 11 (2), Ketua Pembangkang kena bacalah sedikit.

"11. (2) Panel hendaklah, tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhirnya tahun

kewangannya, menyebabkan akaun Kumpulan Wang diauditkan oleh Ketua Audit Negara."

Yang Saudara Ketua Pembangkang bincangkan tadi iaitu mengenai dengan masa. Masa hendaklah ditambah lagi tempoh satu bulan. Kalau ditambahkan masa lagi satu bulan ertinya ianya ada tindang-lapis dengan Seksyen 11 (2) yang menjelaskan bahawa "tidak lewat daripada tiga bulan". Jadi, ini tidak perlu lagi ditambah satu bulan; satu.

Kedua, kalau kita baca lagi Laporan Tahunan ini ada kaitan dengan Seksyen 12. Cuba baca Seksyen 12.

Seksyen 12 mengatakan:

"12. Panel hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh haribulan April dalam setiap tahun, menyebabkan dibuat dan dikemukakan kepada Menteri suatu laporan mengenai pelaburan-pelaburan Kumpulan Wang di sepanjang tahun kewangan yang terdahulu dan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan polisi Panel sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa."

Ini menjelaskan kepada kita bahawa cadangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang adalah tidak dipersetujui kerana tidak ada masanya. Lalu dicadangkan tambah pada suatu masa yang tertentu ditempokkan pada had satu bulan. Walhal Seksyen 13 ini ada kaitan yang sangat rapat dengan Seksyen 11 dan juga Seksyen 12. Jadi tidak perlulah, sia-sialah kalau kita hendak bincangkan masa yang itu juga sedangkan sudah ada. Hendak mengabui mata orang yang pandai-pandai bukan boleh. Hal ini sudah dibincangkan, sudah diterangkan.

Jadi, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengatakan "ianya sia-sia", munasabah. Jadi, saya kira tidak usahlah banyak cakap, kita undi sahajalah. Terima kasih.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang akhir Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

5.27 ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh); Tuan Pengerusi, saya bangun juga untuk menyertai dalam perbahasan atas pindaan pada usul tersebut.

Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Marang, sungguh tidak memahami, sungguh tidak mengerti Pasal 11 (2) dan 12. Fasal 11 (2) dan 12 adalah mengenai Panel, tanggungjawab Panel, tugas Panel; bukan Menteri.

Tetapi Fasal 13 adalah mengenai tanggungjawab Menteri. (*Tepuk*) Itu perbezaan dia. Saya harap Yang Berhormat boleh baca.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Nampaknya Yang Berhormat itu lagi tidak mengerti.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sebab dia kata saya tidak mengerti, saya hendak jelaskanlah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Minta kebenaran, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Beri saya peluang

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, duduk.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Beri saya peluang.

Tuan P. Patto: Biar saya habiskan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa peruntukan Pasal 11 dan 12 ialah laporan sampai ke tangan Menteri tetapi apa pindaan yang kita kemukakan ialah sampai ke tangan Parlimen. Kalau ini pun tidak boleh faham—balik sekolah, belajar lagi. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Siapa Yang Berhormat?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, dia bercakap dengan emosi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, duduk dulu! Jangan bangun dan terus berucap sahaja. Yang Berhormat dari Ipoh teruskan.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya memanglah bersetuju 100% malah lebih daripada 100% dengan Ketua Pembangkang—*(Ketawa)* dan sependapat mengenainya. Dan saya minta kebenaran, Tuan Pengerusi, membaca Fasal 11 (2) ini.

"11. (2) Panel hendaklah, tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhirnya tahun kewangannya"

Bilakah berakhirnya tahun kewangan? Itu soalnya.

"(2) Panel hendaklah, tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhirnya

tahun kewangannya, menyebabkan akaun Kumpulan Wang diauditkan oleh Ketua Audit Negara."

Kerja mengaudit sahaja. Belum sampai ke Parlimen.

Seksyen 12 ialah untuk menyerahkan kepada Menteri. Dan Seksyen 13 adalah untuk Menteri membentangkan ke dalam Dewan. Dan pindaan yang dicadangkan adalah untuk memberikan Menteri satu had masa

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak jelaskan. Minta izin daripada Tuan Pengerusi, saya hendak memberi penjelasan.

Tuan P. Patto: Saya sudah terangkan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa takut. Kenapa? Beri saya peluang.

Tuan P. Patto: Saya kalau orang itu

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat! Yang Berhormat dari Marang juga duduk. Dia tidak beri jalan, duduk!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Happy Deepavalilah *(Ketawa)*,

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, point of order. Tertib Mesyuarat 44 (2). Dengan izin, "The Chair shall order any member whose conduct is grossly disorderly to withdraw immediately from the House during the remainder of the day's sitting".

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada kelakuan Ahli Yang Berhormat dari Marang yang beberapa kali sudah tidak mengikut arahan Tuan Pengerusi. Saya mencadangkan supaya Tertib Mesyuarat 44 (2) digunakan supaya ianya dikeluarkan dari Dewan ini. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk dahulu! Belum sampai tahap itu lagi. Yang Berhormat dari Ipoh sudah?

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, itulah sebab-sebab yang saya katakan pindaan ini harus dibuat oleh kerana tidak ada sesuatu

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Ya, memang. Di dalam Fasal 13 tidak ada menyebut had masa untuk Menteri membentangkan dalam Parlimen dan tidak ada satu kawalan Parlimen ke atas tugas Menteri itu dan itulah sebabnya dengan pindaan ini maka Menteri itu tidak boleh melengah-lengahkan lagi pembentangan Akaun Teraudit itu dalam Parlimen dan dengan adanya tempoh satu bulan selepas menerima Akaun Teraudit dan Laporan Tahunan, maka Parlimen bolehlah dapat mengetahui apakah kemajuan atau kemunduran kerja-kerja panel ini. Itu sahaja, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dipinda dengan memasukkan dalam Fasal 13 perkataan-perkataan berikut selepas perkataan-perkataan "Majlis Parlimen" "dalam tempoh satu bulan selepas menerima Akaun Teraudit dan Laporan Tahunan."

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 10 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan dituluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan P. Patto: Yang di-Pertua, saya minta Dewan berbelah-bahagi. Berapa orang ahli bangun? (Lebih 15 ahli). Cukup.

Loceng dibunyikan.

BELAHBAHAGIAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli penghitung undi, sila. Yang Bersetuju, 64 (*Tepuk*); Yang Tidak Bersetuju, 20 (*Tepuk*); Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

1. Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud.
2. Dato' Chan Siang Sun.
3. Dato' Lee Kim Sai.
4. Dato' Napsiah binti Omar.
5. Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor.
6. Dato' K. Pathmanaban.
7. Dato' Oo Gin Sun.
8. Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha.
9. Tuan Ng Cheng Kuai.
10. Dato' Wan Abu Bakar Wan Mohamed.
11. Tuan Woon See Chin.
12. Tuan Loke Yuen Yow.
13. Tuan Railey Jeffrey.
14. Tuan Law Hieng Ding.
15. Tuan Alias bin Md. Ali.
16. Raja Ariffin bin Raja Sulaiman.
17. Dato' Haji Mohd. Khalid bin Haji Mohd. Yunus.
18. Dr Leo Michael Toyad.
19. Puan Teng Gaik Kwan.
20. Tuan Peter Chin Fah Kui.
21. Tuan Ong Tin Kim.
22. Tuan M. G. Pandithan.
23. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.
24. Dato' Abdullah Ahmad.
25. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman.
26. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah.
27. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali.
28. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan.
29. Dato' Haji Kamaruzaman bin Ahmad.
30. Tuan Ahmad bin Omar.
31. Tuan S. S. Subramaniam.
32. Tuan Metah bin Asang.
33. Tuan James Jimbun Pungga.
34. Tuan Tieu Sung Seng.
35. Tuan Chua Jui Meng.
36. Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail.
37. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.
38. Tuan Maidom Pansai.

39. Tuan Haji Ibrahim bin Ali.
40. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar.
41. Tuan Jawah Gerang.
42. Tuan Abdul Rahman bin Bakar.
43. Tuan Mohd. Subky Haji bin Abdul Raof.
44. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.
45. Tuan Ismail bin Said.
46. Tuan Thomas Salang Siden.
47. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.
48. Tuan Mutang Tagal.
49. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
50. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan.
51. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.
52. Tuan Madatang bin Morejal.
53. Dato' Haji Yahaya bin Mohd. Shafie.
54. Yuan Haji Mohamad bin Abdullah.
55. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar.
56. Tuan Mohammed Yussof bin Abdul Latiff.
57. Tuan Mohd. Noh bin Rajab.
58. Tuan Wan Omar bin Wan Majid.
59. Dr Ting Chew Peh.
60. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit.
61. Tuan Law Lai Heng.
62. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad.
63. Tuan Shahidan Kassim.
64. Tuan Zubir bin Embong.

YANG TIDAK BERSETUJU

1. Tuan Lim Kit Siang.
2. Dr Chen Man Hin.
3. Tuan Lee Lam Thye.
4. Tuan Sim Kwang Yang.
5. Tuan Fung Ket Wing.
6. Tuan Peter Paul Dason.
7. Tuan P. Patto.
8. Tuan Chian Heng Kai.
9. Tuan Ting Chek Ming.
10. Tuan Teoh Teik Huat.

11. Tuan Gerard Math.
12. Tuan Ngoi Thiam Woh.
13. Tuan Lim Guan Eng.
14. Tuan Law Dak Kee.
15. Dr Eng Seng Chai.
16. Tuan Hu Sepang.
17. Tuan Liew Ah Kim.
18. Tuan Tan Kok Wai.
19. Tuan Hsing Yin Shean.
20. Tuan Samson Chin Chee Tsu.

YANG TIDAK MENGUNDI

TIADA

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BIL
PERBENDAHARAAN
(TEMPATAN) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.43 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan), 1946 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang berkenaan adalah bertujuan untuk memindahkan kuasa menaikkan had berkanun pinjaman bagi pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan daripada Parlimen kepada Yang di-Pertuan Agong. Had berkanun ini boleh dipinda dan ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Jemaah Menteri dari masa ke semasa dengan perintah yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat seterusnya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pinjaman tempatan yang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan, Bil-bil Perbendaharaan dan Sijil Pelaburan Kerajaan merupakan sumber kewangan penting bagi Kerajaan Persekutuan dalam membiayai perbelanjaan pembangunan negara. Bil-bil Perbendaharaan adalah sumber kewangan jangka pendek yang boleh didapati dengan kadar diskaun yang rendah, iaitu dalam lingkungan 2.5% hingga 3.0% purata bagi tahun ini. Oleh itu adalah wajar bagi Kerajaan untuk terus meminjam dari sumber ini untuk keperluan kewangannya dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan adalah juga bertujuan untuk memenuhi keperluan kecairan bagi institusi-institusi kewangan. Bil-bil Perbendaharaan merupakan satu instrument kewangan yang penting bagi kegiatan pasaran kewangan tempatan jangka pendek di negara kita ini. Untuk menentukan supaya pasaran kewangan terus berkembang, jumlah Bil-bil Perbendaharaan adalah perlu ditambah dari masa ke semasa untuk memenuhi keperluan pasaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pinjaman yang akan diperolehi melalui Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 bagi membiayai perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelima serta rancangan-rancangan pembangunan negara di masa hadapan adalah dijangka akan melebihi had berkanun yang ditetapkan dalam Akta ini sekarang iaitu \$5,000 juta. Oleh kerana had berkanun pinjaman akan dipinda dari masa ke semasa adalah wajar supaya pindaan dibuat dalam Akta ini untuk memperuntukkan kuasa kepada Yang Di-Pertuan Agong bagi menentukan had berkanun

pinjaman tersebut dari masa ke semasa mengikut nasihat Jemaah Menteri. Dengan peruntukan ini rujukan berulang kali kepada Parlimen yang perlu dibuat sekiranya had berkanun dipinda akan dapat dikurangkan. Peruntukan ini akan memudahkan dan melicinkan lagi peraturan pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan oleh Kerajaan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan negara.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dengan pindaan yang dicadangkan ini penentuan had berkanun dalam Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 adalah selaras dengan peruntukan di bawah Ordinan Pinjaman (Tempatan), 1959, Akta Pinjaman Luar Negeri, 1963 dan Akta Lanjutan Kredit, 1966 yang mana semuanya memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan had-had berkanun pinjaman di bawah Akta-akta itu dari masa ke semasa.

Memandangkan bahawa perkara-perkara yang disebut, adalah wajar Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 dipindahkan bagi memperuntukkan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan had berkanun pinjaman mengikut nasihat Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daudl: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 dibacakan kali yang

kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bagan.

5.47ptg.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian atas Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946.

Walaupun cuma satu pindaan sahaja yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini, pindaan yang pendek ini apabila dipandang seimbang lalu merupakan suatu pindaan yang harmless. Pindaan ini sebenarnya mempunyai kesan dan implikasi yang serius atas prinsip akauntabiliti dan kuasa Parlimen untuk mengkaji setiap tindakan yang diambil oleh Menteri Kewangan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Menteri Kewangan tidak menghadiri diri dalam Parlimen untuk membentangkan pindaan ini yang mempunyai far reaching consequences, dengan izin, kerana ia melibatkan wang berjumlah berbilion-bilion ringgit wang rakyat. Beliau tidak mempunyai minat untuk menghadiri mesyuarat Dewan Rakyat dan tambahan kepada apa yang rakan saya dari Ipoh berkata pada 16hb Oktober dalam Dewan ini, saya ingin merakamkan di sini bahawa Menteri Kewangan sekarang tidak pernah saya dengar beliau menjawab soalan sewaktu Soal-Jawab dalam Dewan Rakyat walaupun Dewan ini sudah bersidang lebih kurang sejumlah 70 hari.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin beliau sangat sibuk dengan kegiatan-kegiatan yang tidak berkaitan dengan jawatan Menteri Kewangan beliau. Inilah sikap dan tindak-tanduk orang kuat Perdana Menteri yang mempunyai utter contempt untuk Parlimen. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan sekarang. Saya tidak percaya kepada alasan-alasan yang diberi oleh pihak Kerajaan dalam hal ini. Saya kira sebab-sebab yang utama yang menyebabkan pihak Kerajaan meminda Akta ini ialah untuk merampaskan kuasa yang ada pada tangan Parlimen dan menyerahkannya kepada Perdana Menteri sebenarnya walaupun pindaan itu menyebutkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang diberi kuasa untuk mengubah amaun Bil-bil Perbendaharaan yang Parlimen kini telah menghadkan kepada \$5,000 juta atau \$5 billion.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah pindaan ini harus dibawa sekarang padahal selama ini tidak ada sebarang masalah yang timbul dalam penguatkuasaan Seksyen 2 (1) yang diluluskan oleh Parlimen. Di bawah Seksyen itu Parlimenlah yang menghadkan amaun Bil-bil Perbendaharaan kepada tidak melebihi \$5 juta dan sejak wujudnya Treasury Bill (Local) Act, 1946 setiap pindaan kepada had amaun Bil-bil Perbendaharaan dibuat oleh Parlimen dan Parlimenlah yang diletakkan dengan kuasa selama ini untuk meminda angka-angka itu. Apakah Parlimen tidak lagi berdaya untuk membuat pindaan seumpama itu sehingga ia harus membenarkan Eksekutif merampaskan kuasa itu dan menyerahkannya kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong?

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong tidak dapat menjalankan sesuatu tugasnya tanpa mengikut nasihat Jemaah Menteri atau seseorang Menteri yang bertindak di bawah kekuasaan Jemaah Menteri sepertimana terdapat dalam Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan. Tetapi soalnya

mengapakah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong diminta menjalankan tugas ini, iaitu untuk mengubah had amaun Bil-bil Perbendaharaan. Pada pendapat saya tugas Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong tentulah tidak meliputi fungsi seumpama ini yang boleh dilakukan oleh Parlimen seperti mana yang sedia ada. Tambahan pula pihak Kerajaan tidak boleh justify, dengan izin, pindaan ini, kerana had amaun Bil-bil Perbendaharaan sekarang iaitu \$5 ribu juta belum lagi melebihi. Mengikut jawapan Menteri Kewangan kepada satu Soalan Bertulis kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, Bil-bil Perbendaharaan yang paling tinggi digunakan dalam pinjaman dalam negeri yang belum diselesaikan dibayar balik adalah \$3,936 juta untuk tahun 1987. Ianya belum lagi sampai \$4,000 juta atau \$4,500 juta.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita tengok angka-angka untuk tahun kebelakangannya iaitu tahun 1981 sampai 1986 Bil Perbendaharaan yang dikeluarkan tidak melebihi \$3,000 juta, untuk tahun 1981 hanya \$1,790,000 sahaja. Tahun 1982 juga 2.2 bilion sahaja, tahun 1983-1986 hanya tidak lebih \$3 ribu juta dan sekiranya Kerajaan merasakan bahawa had amaun itu perlu ditambah, maka ia boleh datang ke Parlimen dan memintanya untuk menambah had itu dan sekiranya permintaan itu munasabah, maka Parlimen tentulah tidak akan teragak-agak untuk menambahkan had itu. Tetapi dalam kes ini Kerajaan tidak berbuat demikian. Kerajaan mahu merampas kuasa Parlimen dalam hal ini dan meletakkannya dalam tangan Eksekutif iaitu Jemaah Menteri atau Menteri yang akan menasihati Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong untuk mengubah had amaun Bil-bil Perbendaharaan untuk meminjam. Kalaulah Kerajaan hari ini mahu meminjam lebih daripada \$5 ribu juta dalam bentuk Bil-bil

Perbendaharaan maka ia harus meminta Parlimen mengubah had amaun itu dan bukan merampas hak dan kuasa Parlimen dan sebenarnya memberikan kepada Eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya kini Parlimen boleh menyoal dan meneliti kegiatan Kerajaan dalam pengurusan Kewangan. Dengan meluluskan Rang Undang-undang ini Parlimen dengan sendiri akan mencatatkan diri dalam soal menyoal dan meneliti pengurusan kewangan Kerajaan, khususnya dalam menggunakan Bil-bil Perbendaharaan dalam pinjaman. Saya memang sedar bahawa terdapat satu bahagian dalam pindaan ini yang mungkin ada digunakan oleh Kerajaan iaitu Menteri Kewangan dengan secepat mungkin selepas disiarkan dalam Warta Perintah yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong mengenai pengubahan had amaun Bil-bil Perbendaharaan hendaklah dibentangkan perintah itu di dalam Dewan Rakyat.

Apa yang difahamkan di sini ialah bahawa perintah itu hanya akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat dan bukan dibahaskan dan dipersetujui oleh Dewan Rakyat. Saya fikir nama Dewan Rakyat dimasukkan dalam pindaan itu untuk memberi satu gambaran bahawa seolah-olah Dewan Rakyat boleh membahaskan perintah itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berlakunya rasuah dan penyelewengan yang tidak habis-habis di negara kita seperti kes-kes skandal BMF, MAMINCO, EPF, MAKUWASA, UEM dan juga penyalahgunaan kuasa oleh Eksekutif ialah sebab utama kuasa yang sangat luas ini tidak boleh diserahkan kepada Eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen, itu seolah-olah memberi

sekeping blank cheque, dengan izin, kepada Eksekutif untuk melakukan sesuka hati tanpa apa-apa pengawalan. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menentang pindaan ini kerana saya tidak rela untuk menjadi, dengan izin, A party to this act of allowing the Executive to take away the powers and the rights of Parliament. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Gopeng.

5.55 *ptg.*

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sedikit pandangan berhubung dengan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946. Saya perhatikan ada dua ciri yang utama dalam Akta ini. Yang pertama, kuasa Parlimen dalam Seksyen 2, Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 diambil alih oleh pihak Eksekutif. Yang kedua, had berkanun pinjaman diubah, sehingga seolah-olah tidak ada had lagi.

Saya ingin melahirkan sedikit kebimbangan saya dalam hal ini. Yang pertama, pemindahan kuasa daripada badan Perundangan itu iaitu Parlimen kepada badan Eksekutif bagi saya kurang sihat sedikit dan kurang wajar, kerana tindakan ini sedikit sebanyak boleh ditafsirkan sebagai menghilangkan kepercayaan Kerajaan terhadap Parlimen dan saya harap kes ini tidak menjadi satu, precedent, dengan izin, nanti untuk mengambil alih kuasa-kuasa Parlimen dalam bidang yang lain oleh badan Eksekutif.

Yang kedua, seperti yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini Yang di-Pertuan Agong diberikan kuasa untuk mengubah dan juga menentukan had pinjaman itu. Pada pandangan saya ini satu

peruntukan yang kurang sihat sedikit, kerana ini bererti wujudnya satu kemungkinan bertambahnya pinjaman dan seterusnya hutang negara akan meningkat. Pada pandangan saya menambahkan pinjaman ternyata ini tidak sejajar dengan matlamat Rancangan Malaysia Yang Kelima itu, iaitu untuk mengurangkan beban hutang negara.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan bererti bahawa bank-bank dan institusi-institusi kewangan tempatan terpaksa menyerap Bil-bil itu dan ini tentu sekali akan mengurangkan kecairan ataupun liquidity bank-bank tempatan itu. Dalam hal ini kesan negatifnya ialah lebih sukar bagi pihak-pihak swasta untuk mendapatkan pinjaman daripada bank-bank dan akhirnya pelaburan swasta akan terjejas hasil daripada kesulitan pihak swasta untuk mendapatkan pinjaman daripada bank tempatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah komen-komen saya secara ringkas untuk rujukan Menteri yang berkenaan. Dengan komen-komen ini saya dengan sukacitanya menyatakan sokongan saya secara prinsip terhadap Rang Undang-undang yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

6.04 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk memberi sedikit pandangan di dalam perbahasan Suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan 1986, yang bertujuan untuk meminda had Bil Perbendaharaan.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya secara prinsip saya dapati bahawa cadangan pindaan

kepada Rang Undang-undang ini tidak lebih daripada perkara teknikal bagi tujuan memudahkan pihak Kerajaan dalam keadaan-keadaan tertentu, menambahkan kewangan ataupun khazanah negara bagi tujuan pembangunan.

Sememangnya prinsip ini kita memberi sokongan penuh, sebab dalam keadaan-keadaan tertentu Kerajaan kita mesti mampu mempunyai seberapa banyak kewangan yang diperlukan dalam setiap masa bagi memenuhi program-program pembangunan yang telah dirancangan. Maka oleh sebab itulah mungkin dalam pengalaman sebelum ini apabila Bil-bil Perbendaharaan hendak dijual, maka timbul masalah teknikal di mana jika had lebih itu diperlukan, terpaksa dibawa pada Parlimen. Maka timbul pula andaian serta pandangan bahawa jika ini berlaku ianya seolah-olah merampas kembali kuasa Parlimen yang menjadi satu institusi yang tertinggi membuat keputusan-keputusan penting.

Atas prinsip ini, Tuan Yang di-Pertua, kita penuh berkeyakinan jika Bil-bil Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan itu ialah untuk tujuan pembangunan dan keperluan semasa dan jika ianya diurus serta ditadbirkan dengan baik dan teliti bukan sahaja dalam konteks amanah dan kejujuran, tetapi pada masa yang sama, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang membentangkan Rang Undang-undang ini, siapakah pakar-pakar kewangan, pakar-pakar ekonomi ataupun apakah bentuk *modus operandi* yang wujud di dalam Kerajaan sekarang ini dalam menasihati Kerajaan daripada satu masa ke satu masa untuk menjual Bil-bil Perbendaharaan daripada segi jumlah yang diperlukan.

Saya tidak bimbang dari segi soal kuasa Parlimen ini diambilalih oleh pihak Eksekutif, apa sahaja bagi saya, prinsip yang penting ialah tujuan-tujuan niat dan pengurusan itu baik dan amanah, ianya sudah pun memenuhi kehendak-kehendak, cita-cita perjuangan bangsa dan negara kita.

Saya menyebut perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab suatu kesan yang agak memberi masalah apabila Kerajaan mengeluarkan Bil-bil Perbendaharaan yang lebih, iaitu kecairan wang di institusi-institusi ataupun di bank-bank oleh kerana bank-bank apabila Kerajaan mengeluarkan Bil-bil ini dengan faedah yang terjamin maka keseluruhan institusi ini berpusu-pusu ataupun berkejar-kejar untuk mendapat Bil-bil berkenaan dan akhirnya menjejaskan kemudahan-kemudahan kecairan wang di bank-bank tempatan. Hal ini memang berlaku. Sesudah Akta ini dipinda dan mendapat sokongan dan diberi sokongan, maka bagi menjamin keseimbangan pihak Ahli-ahli Parlimen supaya ianya tidak disalahgunakan dan bagi menjamin keseimbangan dari segi kecairan wang di bank-bank, takut-takut kadang-kadang Bil ini hadnya begitu banyak, maka yang pentingnya ialah Kementuhan Kewangan mesti memberi jaminan bahawa segala keputusan jumlah had yang diperlukan daripada semasa ke semasa, ianya hendaklah diputus dengan secara yang sebaik-baiknya. Ertinya ia hendaklah berasaskan kepada nasihat-nasihat daripada pakar-pakar ekonomi, pakar-pakar kewangan secara profesional, secara yang bertanggungjawab dan mestilah membuat kajian yang teliti dan menyeluruh, dengan tidak mengenyahkan keperluan kita semasa dalam memenuhi kehendak-kehendak pembangunan.

Memang kita sedar Tuan Yang di-Pertua, dan kita penuh bersimpati dengan pihak Kerajaan di mana dalam satu masa tuntutan-tuntutan kepada pembangunan begitu banyak sekali dan jika berlaku kelewatan dalam pembangunan, timbul pula rungutan dan apabila Kerajaan hendak meningkatkan khazanah negara ada pula tentangan. Jadi apabila kita lihat sepanjang perbincangan, sepanjang inasalah-masalah yang kita hadapi kadang-kadang ianya berkait di antara satu sama lain.

Tetapi pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, asas-asas yang disebutkan tadi, selagi mana ianya ditadbir dan diuruskan dengan sebaik mungkin, sebab itu dalam mana-mana sistem bagi rakyat, in the final analysis, dengan izin, kadang-kadang rakyat mementingkan demokrasi, kadang-kadang rakyat tidak mengindahkan soal demokrasi. Apa sahaja sistem kita boleh pakai asalkan kehendak kepentingan majoriti sentiasa dipertahankan dengan secara adil jujur dan penuh amanah. Sistem demokrasi akan dipersoalkan kalau ianya didapati dalam sistem itu berlaku banyak purak-peranda.

Sistem kuku besi dipersoalkan kalau ianya juga tidak memberi faedah kepada rakyat tetapi sistem kuasa kuku besi juga akan mendapat sokongan rakyat kalau sistem itu atau individu yang memegang jawatan itu boleh memastikan bahawa kepentingan rakyat, kepentingan negara sentiasa terjamin dan ianya tidak berlaku apa-apa keributan yang boleh menggugat sesuatu negara ataupun sesuatu bangsa. Memang betul sesuatu negara atau sesuatu sistem itu mesti mempunyai prinsip, mesti ada ideologi. Kalau bertanya kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, memang kita penuh yakin bahawa prinsip-prinsip, panduan-panduan yang paling utama dan penting ialah sistem ekonomi Islam. Tetapi sistem

ekonomi Islam juga tidak akan berjalan dengan baik kalau ianya tidak disusun, tidak diatur, tidak diurus dengan penuh teliti, dengan mengambil kira seluruh aspek sebab, kadang-kadang kita membuat keputusan mengikut keperluan semasa sahaja.

Kalau hari ini kita katakan kita memerlukan wang yang banyak maka kita mengeluarkan Bil tanpa had, tetapi kesan pada waktu itu masalah kecairan wang di bank akan berlaku tetapi tidak menghitung dalam konteks jangka panjang. Kita sedar bahawa bil-bil ini memudahkan Kerajaan memperoleh kewangan seberapa banyak yang boleh kerana ianya mudah, kerana ianya senang dan sebab itulah had ini hendak dipinda.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa pindaan ini adalah diputuskan oleh Jemaah Menteri dan perlu mendapat persetujuan dan perintah daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai lambang dan tanggung keadilan, tanggung negara kita. Maka sebab itu, saya kesal dengan Ahli Yang Berhormat dari Bagan yang membandingkan institusi Parlimen ini dengan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sudah barang tentu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan merujuk ataupun menerima nasihat daripada Jemaah Menteri. Jemaah Menteri pula akan menerima nasihat daripada pegawai ataupun pakar-pakar ekonomi dan pakar-pakar kewangan. Maka akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, yang menentukan ialah mereka-mereka ini. Pada mereka inilah yang saya bertanyakan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan saya minta supaya diberi penjelasan yang agak menyeluruh ataupun yang sedetail mungkin supaya ianya dapat menghilangkan segala keraguan

pihak-pihak yang tertentu yang bimbang dengan masalah-masalah yang dibangkitkan di hadapan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

6.12ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan Tempatan 1946.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Rang Undang-undang ini dengan perintah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan nasihat Jemaah Menteri, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda boleh mengubah had \$5,000 juta kepada Bil Perbendaharaan yang dikeluarkan dan masih belum dijelaskan pada bila-bila masa.

Saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini adalah patut dan harus disokong kerana jika kita pandang dari segi kepentingan pembangunan iaitu dalam masa-masa tertentu kita akan dapati dari segi kepentingan pembangunan kita harus menentukan bahawa pembangunan itu berjalan dengan lancar, berterusan dan tidak tergendala khasnya dalam hal-hal yang amat perlu dari segi kepentingan rakyat dan ini mungkin boleh berlaku apabila keadaan sangat menghendaki iaitu melibatkan hal-hal yang tertentu, metibatkan kepentingan orang ramai. Ini sudah tentu memerlukan kehendak kewangan yang segera oleh sebab itu dalam hal ini kita patut memberi kuasa-kuasa tertentu kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

untuk membolehkan diketuarkan sejumlah bil-bil mengikut had yang diberi nasihat dan pandangan oleh Jemaah Menteri.

Tentang kewibawaan kepada Yang di-Pertuan Agong seharusnya kita tidak ragukan, kerana Yang di-Pertuan Agong adalah simbol kepada keadilan dan di dalam hal ini, saya fikir tidak ada sebarang keraguan dan lebih-lebih lagi tindakan yang akan diambil oleh Yang di-Pertuan Agong adalah dengan nasihat, dengan pandangan Jemaah Menteri. Maka dalam hal ini saya fikir tidak akan timbul masalah dari segi penyelewengan ataupun dari segi pembolotan kuasa yang akan dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong iaitu sungguhpun kuasa diberi kepada Yang di-Pertuan Agong tetapi ia masih tertakluk kepada Jemaah Menteri. Oleh itu saya rasa masalah kelebihan kuasa tidak akan berlaku dan ia masih tetap tertakluk kepada budi bicara Jemaah Menteri yang akan memberi nasihat, pandangan yang tidak akan menjejaskan kepentingan ramai.

Cuma yang perlu diingat ialah dari segi had yang perlu dikeluarkan dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan had ini hendaklah diberikan supaya tidak ada berlebihan pengeluaran yang tidak perlu pada satu-satu ketika yang saya kira ini amat penting khususnya dari segi menjaga kepentingan orang ramai. Dalam hal ini saya fikir keadaan ini akan sentiasa dapat dielakkan sekiranya setiap ahli Jemaah Menteri itu dapat memberikan nasihat, memberikan pandangan yang sesuai dengan keadaan yang ada dan sesuai dengan keperluan yang ada pada sesuatu masa.

Jadi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya nasihat daripada Jemaah Menteri, saya rasa tidak akan timbul sebarang

penyelewengan ataupun lebih daripada itu, rasuah dan selagi masih ada badan Eksekutif ini, saya yakin tidak akan timbul monopoli kuasa. Kesemuanya ini adalah terletak kepada kebijaksanaan ahli-ahli Jemaah Menteri ini. Dengan segala kebijaksanaan ianya akan menentukan sejauh mana perkara ini difikirkan perlu dan sebanyak mana peruntukan itu perlu dikeluarkan bagi memenuhi kehendak semasa dan kepentingan orang ramai.

Jadi dengan cara ini saya fikir tidak akan timbul masalah dari segi penyalahgunaan kuasa, penyelewengan kuasa ataupun perkara-perkara lain yang tidak perlu yang boleh menjejaskan orang ramai dan juga kepentingan kewangan untuk negara dan juga orang ramai.

Dalam hal ini, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

6.18 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Saya pun ingin berdiri untuk membahaskan Rang Undang-undang ini untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Dewan yang mulia ini harus tahu mengapa Bil ini dikemukakan. Apakah tujuannya? Adakah ianya diperlukan supaya membiayai ataupun membenarkan pihak Kerajaan untuk mengeluarkan Bil-bil Perbendaharaan sekuriti-sekuriti dan sebagainya untuk mendapat sumber kewangan dalam bentuk pinjaman dalam negeri supaya membiayai projek-projek pembangunan sahaja? Adakah ini begitu?

Seksyen 2 Akta Bil Perbendaharan Tempatan sudah meletakkan had \$500 juta pada amaun Bil-bil Perbendaharaan yang dikeluarkan dan masih belum dijelaskan pada bila-bila masa. Itu peruntukan yang asal.

Sekarang Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan meminda seksyen itu supaya had itu boleh diubah tanpa had dengan perintah Yang di-Pertuan Agong ke atas nasihat Jemaah Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan peruntukan yang ada sekarang Kerajaan berhak untuk meminjam hadnya \$50,000 juta sahaja tetapi dengan maklumat yang saya ada sekarang sehingga 30hb September 1987 pinjaman dalam negeri belum selesai oleh Kerajaan Persekutuan ataupun domestic debts pada 30hb September tahun ini sudah melebihi had ini, yang merupakan \$51,575 juta iaitu pihak Kerajaan sudah melebihi—mencerobohi had statute yang ada sekarang. Maka saya tidak hairan sama sekali mengapa Bit ini sekarang dibentangkan supaya membetulkan secara undang-undang dengan retrospective apa yang telah salah dilakukan oleh pihak Kerajaan dan perkara ini melibatkan lebih daripada the doctrine of separation of powers sahaja melibatkan lebih daripada apa yang dibicarakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi oleh kerana ianya menyentuh kepada satu soal asal, soal pokok di dalam gambaran ekonomi negara, di dalam urusan ekonomi negara kita.

Kita tahu, Dewan yang mulia ini tahu sekarang Kerajaan sudah mengalami deficit dalam akaun semasanya dalam beberapa tahun yang lepas—7 tahun dan sekarang pihak Kerajaan pun stretch for cash, dengan izin, oleh kerana tidak ada wang tunai lagi. Meringankan beban negara kita daripada pembayaran balik kepada pinjaman luar negeri

supaya negara kita tidak bergantung kepada sumber kewangan luar negeri, apa-apa tindakan Kerajaan untuk menentang sumber kewangan dalam negeri adalah dialu-alukan, kerana kalau kami bayar balik pembayaran ini pun (circulate), dengan izin, dalam negeri, tidak serupa kita bayar kepada luar negeri ini merupakan satu kehilangan, kerugian dalam tforeign exchange—aliran wang pertukaran asing, khususnya pembayaran balik secara principal serta faedahnya pun merupakan satu sumber besar di dalam deficit account semasa kerana ia merupakan wang yang dialir dalam negeri ke luar negeri.

Untuk menjelaskan betapa pentingnya negara kita harus mengurangkan beban pinjaman luar negeri, saya ingin mendapat peluang ini, mengambil kesempatan ini untuk memberi satu kejadian yang kian bertambah terhadap pinjaman luar negeri. Dalam tempoh mulai tahun 1981 sehingga tahun ini pinjaman luar negeri belum selesai oleh Kerajaan Persekutuan, offshore loan bermula dengan angka \$8,000 juta pada tahun 1981 kepada \$13,000 juta, pada tahun 1982 kepada \$17,000 juta, tahun 1983 kepada \$20,000 juta, pada tahun 1984 kepada tahun 1985 sebanyak \$23,000 juta sehingga sekarang kurang lebih \$27,000 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa menjelaskan satu gambaran yang amat mengkhawatirkan kerana pinjaman luar negeri belum selesai oleh Kerajaan Persekutuan sekarang sama dengan Budget Kerajaan Persekutuan sekarang yang negara kita hutang kepada luar negeri same amount dengan apa yang dalam puratanya jumlah perbelanjaan dalam Belanjawan, ini satu keadaan yang amat mendesak tetapi suatu tanda, satu index yang dapat mungkin menjelaskan betapa criticalnya ialah debt servicing ratio.

Di dalam negara Malaysia sekarang debt servicing ratio merupakan kalau saya tidak lupa kurang lebih 9%. Debt servicing ratio iaitu pembayaran balik principalnya, tambah faedahnya sebagai satu purata jumlah eksport sekarang 9% ataupun 10% yang dapat ditoleransikan menurut taraf antarabangsa yang dicadangkan oleh IMF ialah 12 hingga 15% sahaja. Dalam lain perkataan, negara Malaysia sekarang mendekati satu keadaan yang membahayakan dan ini satu keadaan yang amat serius, amat membahaya dan kita semua boleh ataupun perlu, terpaksa untuk mengkaji semua dasar pokok ekonomi struktur di negara kita dan apa-apa tindakan seperti yang saya jelaskan tadi, apa-apa tindakan untuk mengurangkan pinjaman luar negeri adalah dialu-alukan, khususnya memandangkan sekarang IMF pun ingin merubah

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita bincangkan sekarang berkaitan dengan pinjaman dalam negeri. Saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu sudah beredar daripada track yang betul.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, ini amat berkaitan oleh kerana menjadi strategi pihak Perbendaharaan Malaysia untuk bergantung lebih kepada domestic debts dari external debts.

Sebagai contoh, saya bacakan dari akaun tahun 1986 dua hari lepas yang dibentangkan dalam Parlimen ini. Saya bacakan dari teks ini:

"..... iaitu lebih domestic debts kurang external debts".

Ini menunjukkan dasar Kerajaan untuk lebih mementingkan punca pinjaman dalam negeri yang tidak

menimbulkan kesan inflasi. Pinjaman bersih dalam negeri telah meningkat 22.1% dari \$3,000 juta lebih. Ini dasar Kerajaan—ini strategi Perbendaharaan Kerajaan.

Saya hairan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu kerana betapa kaitnya kedua-dua soalan ini, domestic debts dengan external debt. Maka apa yang saya ingin sebutkan ialah sama dengan pertambahan pinjaman luar negeri dengan pinjaman dalam negeri juga. Pinjaman dalam negeri belum selesai. Kerajaan Persekutuan telah meningkatkan beberapa kali ganda 250% (two and a half times) dari tahun 1981 kepada tahun ini iaitu ini pinjaman dalam negeri. Sekarang dipertingkatkan dari tahap \$22,800 juta pada tahun 1981 kepada tahap \$51,500 juta pada tahun ini iaitu 30hb September. Dan dengan pindaan Akta ini untuk meminda Treasury Bill ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bandar Kuching, sila duduk!

Tuan Sim Kwang Yang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh teruskan pada hari Khamis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan Majlis Mesyuarat ini, izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan "Selamat Hari Raya Deepavali" kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Hindu. *(Tepuk)*

Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga hari Khamis, 22-10-87, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.